

**SKIM PINJAMAN PENDIDIKAN MARA : SATU KAJIAN  
TERHADAP MASALAH PEMBAYARAN SEMULA  
DI SABAH**

**MOHD YASSIN BIN AJUM**

**SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2006**

**SKIM PINJAMAN PENDIDIKAN MARA : SATU KAJIAN  
TERHADAP MASALAH PEMBAYARAN SEMULA  
DI SABAH**

**Oleh  
MOHD YASSIN BIN AJUM**

**Tesis Yang Disediakan Untuk Memenuhi Keperluan  
Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan  
(Kewangan & Pengurusan Bank) (Kepujian)**

**SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2006**

## PENGAKUAN

Saya dengan ini mengaku bahawasanya karya ini adalah hasil tulisan saya sendiri dan bukan diciplak daripada mana-mana sumber kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

MOHD YASSIN BIN AJUM  
YE2002-6071  
07 JULAI 2006

Hak Milik MARA

### PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak-pihak yang terlibat menyumbangkan idea, buah fikiran, bantuan dan sumbangan samada dalam bentuk akademik mahupun material dalam membantu menyiapkan tesis ini terutamanya penyelia saya, Mr. Lim Thien Sang yang banyak memberi tunjuk ajar serta panduan kepada saya dalam menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada keluarga terutama isteri saya Zalika, anak-anak Nurul Yasniza dan Yash Nizam yang sentiasa memberi dorongan serta memahami usaha saya dalam menyiapkan tesis ini.

Hak Milik MARA

## ABSTRAK

### SKIM PINJAMAN PENDIDIKAN MARA : SATU KAJIAN TERHADAP MASALAH PEMBAYARAN SEMULA DI SABAH

Kajian ini bertujuan untuk menganalisa tahap pembayaran balik pinjaman pendidikan yang disediakan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) kepada graduan-graduan bumiputera yang telah mengikuti pengajian tahap diploma dan ijazah pertama di IPTA dan IPTS dalam negara. Kajian ini diambil daripada pelajar yang mendapat pinjaman pendidikan MARA dari seluruh Sabah yang di perolehi daripada *database* Sistem Pelajar MARA secara rawak bagi penerima pinjaman tahun 1999. Kajian ini menfokus kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah pembayaran balik pinjaman pendidikan oleh bekas pelajar-pelajar tajaan MARA di Sabah. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pendapatan ibubapa, kategori penjamin, kedudukan pelajar dalam keluarga dan *gender character* adalah faktor yang signifikan mempengaruhi masalah pembayaran balik pinjaman pendidikan MARA. Pelajar yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah, pelajar yang dijamin oleh ahli keluarga dan pelajar yang berada pada kedudukan anak ketiga dalam keluarga didapati lebih bermasalah dalam pembayaran semula pinjaman pendidikan. Berdasarkan perbandingan gender, pelajar lelaki didapati lebih bermasalah dalam pembayaran pinjaman pendidikan berbanding pelajar wanita.

## ABSTRACT

### **MARA STUDY LOAN SCHEME : AN ANALYSIS OF REPAYMENT PROBLEMS IN SABAH**

*The purpose of this paper is to analyze the repayment performance on the MARA study loans scheme among the bumiputera diploma's and bachelor's level graduates in Sabah, using data from MARA Computerized Information System of the class of 1999. My focus of study is to identify the determinant factors of repayment problems among the MARA student loaners. The results show that parents income, students position in family, guarantor's relationship and gender's character are statistically significant factors that contribute to the repayment problems. Those students from lower income family, students guaranteed by family members, and students from the third child of the family reported more problems in repayment performance. By gender's comparison in repayment performance, male students reported more problems in repayment than female students.*

Hak Milik MARA

**Singkatan**

|          |                                              |
|----------|----------------------------------------------|
| CTOS     | <i>Credit Transaction Online System</i>      |
| IPTA     | Institusi Pengajian Tinggi Awam              |
| IPTS     | Institusi Pengajian Tinggi Swasta            |
| JPA      | Jabatan Perkhidmatan Awam                    |
| KWSP     | Kumpulan Wang Simpanan Pekerja               |
| MARA     | Majlis Amanah Rakyat                         |
| PETRONAS | Petroleum Nasional                           |
| PTPTN    | Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional |
| RM       | Ringgit Malaysia                             |
| SMBM     | Sistem Maklumat Berkomputer MARA             |
| SPC      | Skim Pelajar Cemerlang                       |
| SPT      | Skim Pembiayaan Terbuka                      |
| YS       | Yayasan Sabah                                |

Hak Milik MARA

## KANDUNGAN

|                                                                                                                           |                   |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| <b>PENGAKUAN</b>                                                                                                          | <b>Muka surat</b> |
| <b>PENGHARGAAN</b>                                                                                                        | ii                |
| <b>ABSTRAK</b>                                                                                                            | iii               |
| <b>ABSTRACT</b>                                                                                                           | iv                |
| <b>KANDUNGAN</b>                                                                                                          | v                 |
| <b>SINGKATAN</b>                                                                                                          | vi                |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                                                                                                     | ix                |
| <br><b>BAB 1:       PENGENALAN</b>                                                                                        |                   |
| 1.1   Perkembangan Skim Pinjaman Pelajaran di Malaysia                                                                    | 1                 |
| 1.2   Pernyataan Masalah                                                                                                  | 5                 |
| 1.3   Objektif Kajian                                                                                                     | 6                 |
| 1.4   Justifikasi Kajian                                                                                                  | 7                 |
| 1.5   Organisasi Bab                                                                                                      | 8                 |
| <br><b>BAB 2:       SOROTAN LITERATUR</b>                                                                                 |                   |
| 2.1   Pengenalan                                                                                                          | 11                |
| 2.2   Keperluan Terhadap Pembiayaan Pendidikan                                                                            | 12                |
| 2.3   Masalah dan Faktor Mempengaruhi Pembayaran Balik Pinjaman Pendidikan                                                | 14                |
| 2.4   Masalah pembayaran balik pinjaman pendidikan dan hubungannya dengan kriteria pemilihan sebelum pinjaman dikeluarkan | 16                |
| 2.5   Masalah pembayaran balik pinjaman selepas pelajar menamatkan pengajian                                              | 22                |

**BAB 3: METODOLOGI**

|     |                                              |    |
|-----|----------------------------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan                                   | 27 |
| 3.2 | Kaedah Pengumpulan Data                      | 28 |
| 3.3 | Analisa Data Peminjam Terhadap Setiap Faktor | 29 |

**BAB 4: HASIL KAJIAN**

|      |                                |    |
|------|--------------------------------|----|
| 4.1  | Latarbelakang Sampel           | 35 |
| 4.2  | Latarbelakang Kajian Hipotesis | 36 |
| 4.3  | Deskripsi Pembolehubah         | 36 |
| 4.4  | Hipotesis 1 (H1)               | 38 |
| 4.5  | Hipotesis 2 (H2)               | 40 |
| 4.6  | Hipotesis 3 (H3)               | 43 |
| 4.7  | Hipotesis 4 (H4)               | 45 |
| 4.8  | Hipotesis 5 (H5)               | 47 |
| 4.9  | Hipotesis 6 (H6)               | 49 |
| 4.10 | Hipotesis 7 (H7)               | 51 |

**BAB 5: KESIMPULAN**

|     |                                         |    |
|-----|-----------------------------------------|----|
| 5.1 | Implikasi dan Cadangan                  | 53 |
| 5.2 | Kelemahan-Kelemahan Kajian dan Cadangan | 58 |
| 5.3 | Kata-Kata Penutup                       | 59 |

|                    |    |
|--------------------|----|
| <b>BIBLIOGRAFI</b> | 61 |
|--------------------|----|

|                 |  |
|-----------------|--|
| <b>LAMPIRAN</b> |  |
|-----------------|--|

## Senarai Jadual

## Muka Surat

|             |                                                                                                     |    |
|-------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| Jadual 1.1  | Pecahan Bil. Pelajar Sabah Mendapat Pinjaman Pendidikan MARA Bagi Pengajian Dalam Negara, 1997-2001 | 9  |
| Jadual 1.2  | Pecahan Bil. Pelajar Sabah Mendapat Pinjaman Pendidikan MARA Bagi Pengajian Luar Negara, 1997-2001  | 9  |
| Jadual 1.3  | Nisbah Pembayaran Balik Pinjaman Pendidikan di 24 Negara Terpilih                                   | 15 |
| Jadual 1.4  | Bil. Pelajar Sabah Mendapat Pinjaman Pendidikan MARA Bagi Pengajian Dalam Negara, 1999              | 28 |
| Jadual 1.5  | Keputusan <i>T-Test for Group Statistics</i> :<br>Pendapatan Ibubapa                                | 37 |
| Jadual 1.6  | Keputusan <i>T-Test for Independent Samples Test</i> :<br>Pendapatan Ibubapa                        | 38 |
| Jadual 1.7  | Keputusan <i>T-Test for Group Statistics</i> :<br>Kategori Penjamin                                 | 39 |
| Jadual 1.8  | Keputusan <i>T-Test for Independent Samples Test</i> :<br>Kategori Penjamin                         | 40 |
| Jadual 1.9  | Keputusan <i>T-Test for Group Statistics</i> :<br>Bidang Pengajian                                  | 42 |
| Jadual 1.10 | Keputusan <i>T-Test for Independent Samples Test</i> :<br>Bidang Pengajian                          | 43 |
| Jadual 1.11 | Keputusan <i>T-Test for Group Statistics</i> :<br>Saiz Pinjaman                                     | 45 |
| Jadual 1.12 | Keputusan <i>T-Test for Independent Samples Test</i> :<br>Saiz Pinjaman                             | 45 |
| Jadual 1.13 | Keputusan <i>T-Test for Group Statistics</i> :<br>Tempoh Pinjaman                                   | 46 |

**Senarai Jadual**

|                                                                                                        | <b>Muka Surat</b> |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| Jadual 1.14 Keputusan <i>T-Test for Independent Samples Test</i> :<br>Tempoh Pinjaman                  | 47                |
| Jadual 1.15 Keputusan <i>T-Test for Group Statistics</i> :<br>Kedudukan Pelajar Dalam Keluarga         | 48                |
| Jadual 1.16 Keputusan <i>T-Test for Independent Samples Test</i> :<br>Kedudukan Pelajar Dalam Keluarga | 49                |
| Jadual 1.17 Keputusan <i>T-Test for Group Statistics</i> :<br>Gender                                   | 50                |
| Jadual 1.18 Keputusan <i>T-Test for Independent Samples Test</i> :<br>Gender                           | 50                |

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Perkembangan Perbelanjaan Sektor Pendidikan di Malaysia

Pertambahan pesat pusat-pusat pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia telah meningkatkan lebih banyak peluang kepada rakyat negara ini untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Peningkatan bilangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan Politeknik daripada lima puluh tiga buah pada tahun 1998 dengan bilangan pelajar 277,579 kepada lima puluh lapan buah pada tahun 2001 dengan pengambilan pelajar seramai 377,292<sup>1</sup> sementara institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) daripada 400 buah pada tahun 1998 kepada 700 buah pada tahun 2001<sup>2</sup>.

Justeru itu perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan termasuk pemberian biasiswa dan pinjaman pendidikan kepada pelajar-pelajar yang diterima masuk ke IPTA atau IPTS juga turut meningkat setiap tahun. Menurut Shahril Marzuki (2005)<sup>3</sup>, keadaan perbelanjaan pendidikan di Malaysia adalah sama dengan perbelanjaan pendidikan di negara-negara maju dan negara-negara membangun yang lain di mana negara-negara ini membelanjakan antara 8%

---

<sup>1</sup> *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia Tahun 2002*, Jabatan Perangkaan Malaysia.

<sup>2</sup> *Jabatan Pengajian Swasta, Kementerian Pengajian Tinggi Tahun 2005*.

<sup>3</sup> Shahril @ Charil Marzuki, 2005, *Mengurus dan Membiayai Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn. Bhd.

hingga 30% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan negara bagi pendidikan. Di Malaysia, keadaan ini dapat dilihat melalui peningkatan jumlah peruntukan daripada RM37.726 bilion pada Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8) kepada RM40.815 bilion sepanjang Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9)<sup>4</sup> malah sektor pendidikan merupakan sektor yang mendapat peruntukan terbesar setiap tahun berbanding sektor-sektor yang lain<sup>5</sup>.

Selain daripada pembangunan prasarana pendidikan, pihak kerajaan juga menyediakan biasiswa dan pinjaman pendidikan terutamanya kepada pelajar yang diterima masuk ke institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara. Dengan adanya sumber kewangan yang berupa pinjaman atau biasiswa yang disediakan oleh pihak kerajaan, pelajar-pelajar ini dapat dibantu dari segi pembiayaan kos pengajian dan sara hidup sepanjang mereka menjadi pelajar di universiti. Oleh itu beberapa agensi kerajaan iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Yayasan Negeri, Bank Negara Malaysia (BNM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Petroleum Nasional dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)<sup>6</sup> yang ditubuhkan pada 01 Julai 1997 menyediakan dana pendidikan untuk memberi pinjaman kepada pelajar bagi membolehkan mereka membiayai kos pengajian di IPTA ataupun IPTS di dalam negara. Ini adalah bagi memastikan rakyat di negara ini mendapat pendidikan yang sempurna seterusnya merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan pekerja berpengetahuan dan memenuhi gunatenaga terlatih sebagaimana kehendak Wawasan 2020.

Peningkatan bilangan pelajar dari tahun ke tahun telah mendorong pihak kerajaan meningkatkan tabung pembiayaan pendidikan. Sehingga Disember 2005, PTPTN iaitu badan yang mengkhusus dalam pemberian pinjaman pendidikan

---

<sup>4</sup> <http://www.epu.my/rm9/html/peruntukan.htm>.

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> <http://www.ptptn.gov.my/>

sejak tahun 1997 tahun telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM15.6 billion untuk membiayai pinjaman pendidikan kepada 700,000 pelajar yang melanjutkan pelajaran di IPTA dan IPTS seluruh negara<sup>7</sup>.

Selain itu kerajaan juga melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut menambah jumlah tabung pinjaman dan biasiswa kepada RM843 juta pada tahun 2006 berbanding RM650 tahun sebelumnya untuk membiayai para pelajar bumiputera seramai 15,000 pelajar yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah dan sederhana tetapi mempunyai keputusan yang baik dalam pendidikan untuk membolehkan mereka melanjutkan pengajian ke pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan luar negara sejajar dengan objektif MARA untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera seterusnya mampu bersaing di peringkat global.

Matlamat tajaan MARA ini adalah untuk membantu pelajar bumiputera yang berpotensi dan berkecayaan terutama yang memerlukan bantuan kewangan untuk mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi dalam bidang-bidang sains, teknologi, professional, kepakaran dan pengurusan perniagaan serta bidang-bidang lain yang dikenalpasti oleh MARA dari semasa ke semasa.

Skim pinjaman pendidikan MARA mula diperkenalkan sejak MARA ditubuhkan pada tahun 1966 dimana pada ketika itu bantuan kewangan diberikan dalam bentuk biasiswa. Bagaimanapun pada 1968 bantuan kewangan yang diberikan telah dibahagikan kepada dua jenis iaitu pertama, dalam bentuk biasiswa dengan kadar bayaran balik sebanyak 25%. Kedua, dalam bentuk pinjaman penuh dengan kadar bayaran balik 100% tanpa kadar faedah. Mulai 01 Januari 1985 hingga 31 Disember 1997 pinjaman pelajaran ditukar kepada pinjaman boleh ubah atau *convertable loan*. Dimana pelajar yang menamatkan pengajian dengan

---

<sup>7</sup> Berita Harian, 2006, 13 Mei.

mendapat keputusan yang cemerlang iaitu mendapat Nilai Purata Mata Terkumpul Keseluruhan atau *Cummulative Grade Point Average (CGPA)* 3.50 keatas boleh memohon untuk menukar status pinjaman mereka kepada biasiswa sepenuhnya manakala pelajar yang lulus pengajian tetapi mendapat keputusan CGPA kurang 3.50 boleh memohon pengurangan bayaran balik daripada 50% sehingga 90% bergantung kepada CGPA yang diperolehi.

Bagaimanapun Tajaan Pelajaran MARA adalah khusus untuk calon-calon bumiputera sahaja sebagaimana dengan Akta Majlis Amanah Rakyat 1996 dan memenuhi syarat am permohonan yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Calon mestilah Melayu atau bumiputera warganegara Malaysia.
- ii. Tidak pernah ditamatkan bantuan atau ditarik balik bantuan oleh mana-mana penaja atas sebab tindakan disiplin.
- iii. Tidak pernah dianjur oleh mana-mana penaja lain diperingkat yang sama kecuali untuk kursus-kursus kritikal dan professional atas keperluan semasa.
- iv. Mendapat pelepasan kontrak atau penangguhan bayaran balik jika pernah ditaja oleh badan lain untuk pengajian sebelumnya.
- v. Mesti mendapat cuti belajar tanpa gaji / pelepasan jawatan atau kebenaran bertulis daripada majikan bagi mereka yang sedang berkhidmat.
- vi. Diperakui sihat dan normal oleh doktor yang bertauliah.
- vii. Pengajian sepenuh masa luar Negara dan Sepenuh masa atau separuh masa bagi pengajian dalam Negara.
- viii. Memenuhi syarat status Sosio Ekonomi Keluarga yang ditetapkan iaitu pendapatan bercukai ibubapa tidak melebihi RM50,000 setahun bagi pengajian dalam negara dan tidak melebihi RM80,000.00 setahun bagi pengajian ke luar negara .

Manakala dari segi pembayaran balik, pemegang pinjaman pendidikan MARA adalah disyaratkan untuk mula membayar pinjaman mereka secara ansuran selepas 12 bulan tamat tempoh tajaan pengajian masing-masing. Walaupun demikian peminjam masih boleh mendapat kelonggaran untuk menangguhkan pembayaran balik selepas tempoh setahun tersebut sekiranya mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sehinggalah mereka menamatkan pengajian seterusnya ataupun sekiranya mereka masih tidak mendapat sebarang pekerjaan dengan mengemukakan rayuan secara bertulis kepada pihak MARA.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Pinjaman pendidikan yang disediakan oleh pihak kerajaan ataupun pihak swasta biasanya dengan kadar faedah yang amat rendah ataupun hanya ditambah dengan sedikit kos perkhidmatan tidak melebihi 4 % setahun, malah ada pinjaman pendidikan yang disediakan tanpa dikenakan sebarang kadar faedah sebagaimana pinjaman yang kendalikan oleh pihak MARA. Selain itu, kebanyakan badan penaja ini khususnya agensi kerajaan seperti JPA, MARA, PTPTN, Yayasan-Yayasan Negeri dan lain-lain pinjaman pendidikan yang disediakan oleh Kerajaan negeri memberi insentif dalam bentuk pengurangan kadar bayaran balik pinjaman daripada 50% sehingga 100% kepada pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang sebagai dorongan kepada mereka untuk belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran.

Walaupun bagaimanapun, sebahagian peminjam-peminjam ini menghadapi masalah dalam melunaskan pinjaman pendidikan yang mereka perolehi samada dengan sengaja atau tidak sengaja, ingkar untuk membayar semula pinjaman mereka walaupun sebahagian daripada mereka ini hanya dikehendaki membayar baki pinjaman 10% setelah mendapat pengurangan sehingga 90% daripada

keseluruhan jumlah pinjaman yang diterima sebelum ini<sup>8</sup>. Kegagalan sebahagian penerima pinjaman ini untuk membayar semula pinjaman mereka telah menjadi masalah yang berurutan dan berpanjangan sehingga memberi kesan kepada tabung pusingan badan-badan penaja seperti di atas untuk menaja lebih ramai pelajar-pelajar baru.

Masalah kegagalan untuk membayar semula pinjaman ini semakin meningkat dan hangat diperkatakan sepanjang awal tahun 2006 sehingga JPA yang kecewa dengan tindakan kira-kira 100,000 bekas pelajar tajaannya (Berita Harian, 2006)<sup>9</sup> yang enggan melunaskan tunggakan hutang pendidikan sejak JPA mula mengeluarkan pinjaman pendidikan pada tahun 1985 yang berjumlah RM2.0 bilion, bertindak untuk membatalkan diskaun 75% yang diberikan kepada mereka sebelum ini. Manakala PTPTN, agensi penaja pendidikan yang baru ditubuhkan pada Julai 1997 dengan menggunakan dana yang diperolehi melalui pinjaman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang mencapai jumlah RM6.5 bilion sehingga akhir tahun 2005 serta telah menaja seramai 715,000 pelajar telah mula mengambil tindakan mahkamah ke atas 200 bekas pelajar tajaannya yang tidak mengendahkan surat peringatan walaupun empat kali surat peringatan yang dihantar termasuk surat amaran terakhir melalui peguam<sup>10</sup>.

MARA yang turut menghadapi masalah tunggakan pinjaman pendidikan dimana setakat bulan Disember 2005, jumlah terkumpul sebanyak RM200 juta telah mengambil langkah-langkah yang wajar untuk mengutip semula hutang bekas pelajar-pelajar tajaannya termasuk menyiarkan nama-nama mereka di akhbar-akhbar utama tempatan setiap bulan, menyenarai hitamkan nama-nama

---

<sup>8</sup> Berita Mingguan, 2006, Siaran Akhbar Senarai Bil:3/2006 : 120 Pelajar Tajaan MARA Yang Gagal Membuat Bayaran, *Berita Mingguan*, 20 Mac.

<sup>9</sup> Sarban Singh. 2006. JPA batal diskaun bayaran. *Berita Harian*, 15 Mac: 1.

<sup>10</sup> New Straits Times. 2006. 200 study loan defaulters to be hauled up. *New Starits Times*, 19 Januari: 2.

peminjam serta penjamin mereka daripada memperoleh pinjaman daripada mana-mana agensi kewangan, dihalang daripada menerima skim pinjaman perniagaan MARA, tindakan saman dan yang terbaru ialah menolak kemasukan anak-anak bekas peminjam yang gagal membayar pinjaman mereka daripada diterima masuk ke Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)<sup>11</sup>.

### 1.3 Objektif Kajian

Beberapa objektif telah dikenalpasti dalam kajian ini untuk memastikan hasil kajian yang bakal diperolehi nanti mencapai sasaran dan matlamat yang telah ditetapkan.

1. Menilai konsep 5C's iaitu *Character, Capacity, Capital, Collateral, Condition* dan hubungannya dengan pemberian pinjaman pendidikan.
2. Menganalisa tahap pembayaran balik pinjaman dan mengkaji sejauhmana faktor pendapatan ibubapa, kategori penjamin, bidang pengajian, saiz pinjaman, tempoh pengajian, kedudukan pelajar dalam keluarga dan faktor gender mempengaruhi tahap pembayaran semula pinjaman pendidikan MARA di Sabah.

### 1.4 Justifikasi Kajian

Kajian ini adalah untuk melihat bagaimana pendekatan konsep 5C's dalam pemberian pinjaman pendidikan boleh mempengaruhi tahap pembayaran balik pinjaman dan menganalisa faktor-faktor yang menyebabkan penerima-penerima pinjaman pendidikan MARA khususnya di negeri Sabah menghadapi masalah untuk membuat bayaran semula pinjaman mereka walaupun telah diberi beberapa peringatan termasuk menyiarkan nama-nama mereka di suratkhbar

---

<sup>11</sup> Berita Harian. 2006. Jangan bertolak ansur dengan bekas pelajar tak bayar pinjaman. Rencana. *Berita Harian*, 16 Mac:10.

tempatan(Utusan Borneo)<sup>12</sup> sehinggalah ke tahap tindakan saman diambil terhadap peminjam-peminjam yang ingkar ini dan seterusnya dengan kajian ini dapat digunakan oleh pelbagai pihak terutamanya badan-badan penaja pendidikan seperti MARA sebagai rujukan untuk mengubahsuai syarat-syarat permohonan sedia ada bagi menyediakan pinjaman serta strategi untuk mengutip balik semua pinjaman pendidikan yang telah diberikan kepada pemohon-pemohon yang layak memperolehi kemudahan tersebut.

Penerima-penerima pinjaman pendidikan MARA di Sabah dipilih sebagai fokus utama kajian kerana terdapatnya taburan penerima yang seimbang dari segi geografi dan demografi. Jika dilihat dari segi statistik jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan pada tahun 2000, didapati jumlah penduduk bumiputera di Sabah ialah seramai 1,601,356 orang<sup>13</sup>. Manakala statistik penerima pinjaman MARA di negeri ini untuk melanjutkan pelajaran di pelbagai Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta Dalam Negara seperti dalam Jadual 1.1 & Jadual 1.2, Dalam dan Luar Negara dari tahun 1997 hingga 2001, ialah seramai 5,517 dengan 54 pelajar daripadanya belajar ke luar negara dengan melibatkan jumlah keseluruhan pinjaman sebanyak RM108,306,564.60.<sup>14</sup>

Manakala bancian oleh Jabatan Perangkaan pada tahun yang sama juga menunjukkan bahawa penduduk berumur 15 tahun dan lebih yang mengikuti program Diploma serta Ijazah yang diperolehi dan Kumpulan Umur, Sabah 2000, ialah seramai 43,713 orang pelajar. Dengan ini boleh dianggarkan bahawa bagi tempoh lima tahun (1997-2001) sekitar 12.62% daripada keseluruhan penduduk

---

<sup>12</sup> Utusan Borneo, 2006. Notis Tuntutan Pinjaman Pelajaran MARA (Bil:46/06/06), *Utusan Borneo*, 29 Jun:11.

<sup>13</sup> *Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2005*, Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah.

<sup>14</sup> Sistem Maklumat Berkomputer MARA, 1997-2001.

negeri Sabah yang melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma, Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan di negeri ini mendapat pinjaman pendidikan daripada MARA.

**Jadual 1.1: Pecahan Bilangan Pelajar Sabah Yang Mendapat Pinjaman Pendidikan MARA Bagi Pengajian Dalam Negara Dari Tahun 1997 Hingga 2001**

| <b>Tahun</b>  | <b>Bil. Penuntut</b> | <b>Jumlah(RM)</b>     |
|---------------|----------------------|-----------------------|
| 1997          | 288                  | 6,903,702.61          |
| 1998          | 1,595                | 31,903,636.11         |
| 1999          | 1,251                | 28,285,410.76         |
| 2000          | 1,048                | 15,753,678.27         |
| 2001          | 1,281                | 18,630,784.06         |
| <b>Jumlah</b> | <b>5,463</b>         | <b>101,477,211.80</b> |

**Jadual 1.2: Pecahan Bilangan Pelajar Sabah Yang Mendapat Pinjaman Pendidikan MARA Bagi Pengajian Luar Negara Dari Tahun 1997 Hingga 2001**

| <b>Tahun</b>  | <b>Bil. Penuntut</b> | <b>Jumlah(RM)</b>   |
|---------------|----------------------|---------------------|
| 1997          | 26                   | 4,856,178.27        |
| 1998          | 4                    | 485,556.85          |
| 1999          | 3                    | 306,078.95          |
| 2000          | 12                   | 683,550.55          |
| 2001          | 9                    | 497,988.22          |
| <b>Jumlah</b> | <b>54</b>            | <b>6,829,352.84</b> |

*Sumber:* Bahagian Penganjuran Pelajaran, MARA Kuala Lumpur, 2002.

## 1.5 Organisasi Bab

Kajian ini meliputi lima bab satu hingga bab lima. Penerangan ringkas bab-bab berkenaan adalah seperti berikut:

Bab satu, meliputi perbincangan mengenai pengenalan secara umum perkembangan perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan, skim pinjaman pendidikan dan ringkasan latarbelakang skim pinjaman pendidikan anjuran Majlis Amanah Rakyat.

Bab kedua, dalam bab ini adalah perbincangan mengenai sorotan literatur yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu tahap pinjaman dan faktor-faktor yang menyebabkan seseorang peminjam menghadapi masalah untuk membayar balik pinjaman yang telah dibuat.

Bab ketiga, bab ini membincangkan metodologi yang digunakan berdasarkan kajian-kajian yang terdahulu, kaedah pengumpulan data serta analisis yang digunakan.

Bab keempat, hasil kajian yang diperolehi berdasarkan data-data yang telah dianalisa daripada bab ketiga.

Bab kelima, kesimpulan tentang kajian yang dibuat dan isu-isu yang timbul berdasarkan hasil kajian yang diperolehi dan membincangkan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan topik yang dikaji serta penutup.

## BAB 2

### SOROTAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Pendidikan adalah amat penting dalam pembangunan insan di sesebuah negara, khususnya dalam era pendidikan yang semakin kompleks ini. Ini sejajar dengan hasrat kerajaan Malaysia hari ini bahawa tiada sesiapa yang tercicir daripada melanjutkan pelajaran disebabkan masalah kewangan. Manakala skim pinjaman pendidikan pula merupakan satu sokongan dan peluang kepada pelajar-pelajar terutamanya kepada para pelajar daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana bagi membolehkan mereka dapat meneruskan pengajian ke peringkat universiti dan institusi pengajian tinggi lain terutamanya di institusi dimana kos pengajiannya tidak mendapat bantuan atau subsidi daripada pihak kerajaan.

Bank dunia dalam kertas polisi mengenai pembiayaan pendidikan di negara membangun bersetuju agar pinjaman pendidikan sebagai pilihan, kerana ia dapat menambahkan sumber kewangan dan memperbaiki keadilan dalam pembiayaan pendidikan (World Bank, 1986). Manakala Shahril Marzuki, (2005)<sup>15</sup>, mengatakan

---

<sup>15</sup> Shahril @ Charil Marzuki, 2005, *Mengurus dan Membiayai Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn. Bhd.

melalui pinjaman pendidikan, pelajar-pelajar akan mempunyai motivasi belajar yang tinggi, cuba mencapai kecemerlangan dalam pendidikan dan mempunyai kesedaran akan masa depannya.

Ziderman, A., (2000)<sup>16</sup>, pinjaman pendidikan dapat mengelak pelajar yang datang dari keluarga yang miskin daripada risiko kos melepas yang tinggi untuk melanjutkan pelajaran dengan memilih untuk bekerja sebaik sahaja mereka menamatkan pendidikan di sekolah menengah. Manakala, I. Hendel, J. Shapiro dan P. Wallen., (2005)<sup>17</sup> dalam kajian mereka menyatakan bahawa pinjaman pendidikan telah meningkatkan bilangan rakyat di Amerika Syarikat yang menamatkan pengajian di peringkat universiti.

## 2.2 Keperluan Terhadap Pembiayaan Pendidikan

Melanjutkan pelajaran selepas menamatkan pendidikan menengah sudah pasti memerlukan sumber kewangan yang mencukupi walaupun pelajar mendapat tempat di pusat-pusat pengajian tinggi yang dibiayai kerajaan. Oleh itu tahap pendapatan ibubapa merupakan antara faktor yang penting bagi membantu pelajar membiayai kos pengajian, kos penginapan atau asrama kerana biasanya kolej atau universiti terletak jauh daripada kediaman ahli keluarga selain kos makan-minum serta perbelanjaan harian pelajar. Secara umumnya pelajar yang mempunyai latarbelakang ibubapa yang berpendapatan rendah adalah lebih cenderung untuk mendapatkan pinjaman berbanding dengan rakan-rakan mereka daripada ibubapa berpendapatan tinggi. Ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh

---

<sup>16</sup> Financing students loans in Thailand: revolving fund or open-ended commitment ?, *Economics of Education Review*, Vol. 21, 2002, hlm. 367- 380.

<sup>17</sup> Educational opportunity and income inequality, *Journal of Public Economics*, Vol. 89, 2005, hlm. 841- 870.

Christou, C., dan Haliassos, M., (2002)<sup>18</sup> dalam kajian mereka menyatakan tahap pendapatan ibubapa merupakan penentu utama yang menyebabkan seseorang pelajar membuat pinjaman pendidikan.

Kajian yang dibuat oleh Schwartz, S., dan Finnie, R., (1998)<sup>19</sup>, terhadap graduan yang menerima ijazah pertama di Kanada pada tahun 1990 bagi keperluan untuk membuat pinjaman pendidikan berorientasikan tiga pembolehubah utama iaitu pertama Bidang Pengajian, kedua Faktor Gender dan ketiga ialah Faktor Daerah atau Wilayah. Bagi pembolehubah pertama, mereka mendapati bahawa bidang pengajian yang diambil oleh pelajar boleh mempengaruhi seseorang pelajar itu untuk membuat pinjaman. Berdasarkan kajian tersebut graduan dalam bidang Perubatan dan Kejuruteraan yang secara relatifnya mudah mendapat pekerjaan dan memperolehi pendapatan yang tinggi mempunyai kadar kecenderungan yang tinggi untuk membuat pinjaman pendidikan. Manakala graduan daripada bidang Perniagaan, Ekonomi dan Undang-Undang yang secara relatifnya mempunyai pendapatan yang juga tinggi dalam sektor kerjaya atau pekerjaan tetapi mempunyai kadar yang rendah dari segi kecenderungan untuk membuat pinjaman bagi bagi membiayai pengajian mereka.

Bagaimanapun graduan daripada bidang Sains Sosial secara relatifnya kurang cenderung untuk membuat pinjaman. Bagi pembolehubah kedua, mereka mendapati graduan wanita kurang membuat pinjaman pendidikan berbanding graduan lelaki. Sementara bagi pembolehubah ketiga iaitu Wilayah, mereka mendapati bahawa graduan daripada wilayah yang lebih maju adalah lebih cenderung untuk membuat pinjaman.

---

<sup>18</sup> How do students finance human capital accumulation? The choice between borrowing and work, *Journal of Policy Modelling*, Vol. 28, 2002, hlm. 39-51.

<sup>19</sup> Student loans in Canada : an analysis of borrowing and repayment, *Economics of Education Review*, Vol. 21, 2002, hlm. 497-512.

### **2.3 Masalah dan Faktor Mempengaruhi Pembayaran Balik Pinjaman.**

Hasrat kerajaan untuk menambah bilangan pelajar berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dengan memberi pinjaman pendidikan kepada rakyatnya sedikit-sebanyak menjadi satu bebanan kewangan yang berterusan kepada kedua-dua pihak kerajaan serta pelajar kerana sebahagian besar daripada mereka yang mendapat peluang berkenaan mendapati mereka terpaksa menanggung hutang pendidikan selepas mereka menamatkan pengajian dan ramai juga yang bermasalah membuat bayaran balik pinjaman sebagaimana sepatutnya.

Realitinya masalah pembayaran balik pinjaman ini bukanlah masalah yang berlaku di kalangan pelajar negara ini sahaja tetapi ianya juga berlaku di negara lain termasuk di negara-negara maju seperti di Jepun, Kanada dan Amerika Syarikat sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3, dimana negara Venezuela adalah negara yang paling sedikit dari segi nisbah bayaran pinjaman pendidikan yang dapat diperolehi semula daripada jumlah keseluruhan pinjaman yang dikeluarkan iaitu hanya pada tahap 7%. Manakala pembayaran semula pinjaman yang tertinggi dari segi nisbah kutipan berbanding jumlah keluaran pinjaman ialah negara Guatemala iaitu 82%, bagaimanapun tidak ada negara daripada 24 negara yang dikaji mendapat 100% bayaran semula pinjaman pendidikan di negara mereka dalam tempoh yang ditetapkan.

**Jadual 1.3: Nisbah Pembayaran Balik Skim Pinjaman Pendidikan, di 24 Negara terpilih<sup>20</sup>.**

| Negara                | Nisbah Pembayaran Balik |
|-----------------------|-------------------------|
| 1. Kenya              | 30                      |
| 2. Venezuela          | 07                      |
| 3. Chile              | 52                      |
| 4. Honduras           | 49                      |
| 5. Indonesia          | 43                      |
| 6. Brazil             | 38                      |
| 7. Ecuador            | 54                      |
| 8. Jamaica            | 44                      |
| 9. Bolivia            | 68                      |
| 10. Denmark           | 48                      |
| 11. Mexico            | 56                      |
| 12. Japan             | 50                      |
| 13. Peru              | 62                      |
| 14. Australia         | 52                      |
| 15. Amerika Syarikat  | 71                      |
| 16. Finland           | 65                      |
| 17. Guatemala         | 82                      |
| 18. Norway            | 67                      |
| 19. Colombia          | 71                      |
| 20. Hong Kong         | 57                      |
| 21. Republik Dominica | 75                      |
| 22. Kanada            | 69                      |
| 23. Barbados          | 87                      |
| 24. Sweden            | 72                      |

Sumber : Carlson, 1992; Zideman & Albrecht, 1995.

<sup>20</sup> Financing students loan in Thailand: revolving fund or open-ended commitment?, *Economics of Education Review*, Vol. 21, 2002, hlm. 367-380.

Kajian mengenai masalah pembayaran balik pinjaman ini dibahagikan kepada dua masalah utama iaitu pertama, masalah penilaian melalui konsep 5C's yang digunakan dalam pinjaman pendidikan semasa pelajar membuat permohonan dan kedua, masalah pembayaran semula pinjaman selepas pelajar berkenaan menamatkan pengajian.

#### **2.4 Masalah pembayaran balik pinjaman pendidikan dan hubungannya dengan kriteria pemilihan sebelum pinjaman dikeluarkan**

Josef Eby Ruin., (2001)<sup>21</sup>, dalam konteks pemberian pinjaman iaitu pinjaman yang berorientasikan perniagaan dan keuntungan, seseorang pegawai yang melaksanakan peranan memberi pinjaman seharusnya dapat menilai pihak yang memohon dengan menggunakan konsep 5C's, iaitu merujuk kepada penilaian kredit melalui *Character, Capacity, Capital, Collateral* dan *Condition* pemohon sebelum menyokong kelulusan sesuatu permohonan tersebut.

Dalam konteks pinjaman pendidikan yang bukan berorientasikan perniagaan atau keuntungan, konsep 5C's yang digunakan tidak dapat dipraktikkan sepenuhnya sebagaimana dalam bidang kewangan atau perniagaan kerana pemberian pinjaman pendidikan telah diseimbangkan dengan tanggungjawab sosial agensi penaja kepada masyarakat.

##### **1. Perwatakan (*Character*)**

Rose, P.S, dan Hudgins, S.C., (2005)<sup>22</sup> mengatakan perwatakan adalah merujuk kepada rasa tanggungjawab, kejujuran, tujuan yang serius dan kesungguhan untuk membayar semula pinjaman. Pegawai pinjaman mestilah penuh yakin dan percaya

---

<sup>21</sup> Josef Eby Ruin, *Managing Service, Finance, Credit and Debts*. 2001:Kuala Lumpur. Leeds Publications. hlm. 102.

<sup>22</sup> Peter S.Rose & Sylvia C.Hudgins., *Bank Management & Financial Services*, McGraw Hill International Edition, 2005: New York, Vol.6, hlm. 533.

bahawa pemohon pinjaman telah diketahui tujuannya meminjam dan mempunyai keinginan yang tinggi untuk membayar semula pinjamannya. Sekiranya pegawai berkenaan tidak pasti mengapa pemohon tersebut ingin membuat pinjaman, maka tujuan pinjaman berkenaan perlulah memenuhi syarat dan konsisten dengan polisi sudiada institusi berkenaan. Walaupun tujuannya meminjam adalah baik, pegawai pinjaman mestilah memastikan bahawa peminjam mempunyai sikap bertanggungjawab dengan pinjaman yang diperolehi serta berusaha sedaya upaya untuk membayar balik semua pinjaman tersebut.

Dalam konteks pemberian pinjaman pendidikan, perwatakan dinilai semasa sesi temuduga yang diadakan terhadap pelajar yang memohon, bagaimanapun hanya sebahagian sahaja pinjaman yang memerlukan temuduga dan tapisan yang ketat terutamanya pinjaman dibawah Skim Pelajar Cemerlang (SPC) yang melibatkan pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negara kerana ianya memerlukan jumlah kewangan yang besar. Manakala sebahagian lagi untuk pengajian di dalam negara seperti permohonan pinjaman PTPTN, pinjaman dibawah Skim Pembiayaan Terbuka (SPT) anjuran MARA, Skim Pinjaman Pendidikan JPA dan Yayasan Negeri tidak memerlukan sesi temuduga untuk penilaian tetapi memadai dengan menepati syarat kelayakan akademik dan tahap pendapatan ibu bapa sahaja. Oleh kerana tiadanya temuduga untuk pinjaman pendidikan di dalam negara, perwatakan atau *character* pelajar seperti rasa tanggungjawab terhadap pinjaman, tahap kesungguhan mereka memerlukan pinjaman tersebut dan sejauhmana keazaman mereka untuk membayar semula pinjaman setelah mereka menamatkan pengajian kelak tidak dapat dinilai atau diketahui oleh pihak yang memberi pinjaman.

## 2. Kapasiti (*Capacity*)

Kapasiti menurut Rose, P.S., dan Hudgins, S.C., (2005)<sup>23</sup> ialah merujuk kepada kelayakan seseorang peminjam untuk memohon pinjaman dan kelayakannya dari segi undang-undang untuk menandatangani surat perjanjian pinjaman. Umur minoriti dibawah 18 tahun tidak layak untuk menandatangani surat perjanjian pinjaman. Perjanjian pinjaman yang ditandatangani oleh pemohon yang tidak layak membawa risiko untuk tidak dapat diperolehi semula seterusnya mendatangkan kerugian kepada institusi yang memberi pinjaman. Manakala Josef Eby Ruin., (2001)<sup>24</sup> mengatakan kapasiti adalah merujuk kepada kemampuan pemohon membayar balik pinjaman kepada pihak yang memberi pinjaman. Sehubungan dengan itu walaupun bagaimana kuatnya keinginan seseorang peminjam hendak membuat bayaran balik pinjaman sekiranya tanpa wang ianya tidak membawa sebarang makna dan kemahuan sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah.

Dalam konteks pinjaman pendidikan rata-rata pelajar yang memohon adalah sekurang-kurangnya berumur 18 tahun semasa menandatangani dokumen perjanjian iaitu lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan dua orang penjamin dewasa warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun keatas. Bagaimanapun masalah yang akan berbangkit kemudian atau persoalan kapasiti pelajar berkenaan samada akan membuat pembayaran balik pinjaman mereka atau tidak selepas menamatkan pengajian tidak dititikberatkan atau diperhalusi oleh pihak yang memberi pinjaman semasa pemilihan kerana keutamaan ialah membantu pelajar-pelajar berkenaan dari segi kewangan bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma atau ijazah.

---

<sup>23</sup> Peter S. Rose & Sylvia C. Hudgins., *Bank Management & Financial Services*, McGraw Hill International Edition, 2005: New York, Vol. 6, hlm. 533.

<sup>24</sup> Josef Eby Ruin, *Managing Service, Finance, Credit and Debts*. 2001: Kuala Lumpur. Leeds Publications. hlm. 101 - 102.

### 3. Modal (*Capital*)

Modal adalah merujuk kepada kedudukan kewangan atau kekuatan pemohon untuk dapat membayar semula pinjamannya. Menurut Josef Eby Ruin., (2001), kekuatan modal dapat dilihat melalui jumlah pendapatan bersih seseorang individu atau ekuiti jika ianya dalam bentuk perniagaan. Kekuatan modal dalam perniagaan ditentukan oleh kedudukan kewangannya yang stabil manakala bagi individu, kekuatan modal biasanya dapat diketahui melalui borang cukai pendapatan atau pendapatan bersihnya yang juga boleh diperolehi daripada maklumat agensi kewangan yang lain. Kekuatan ini akan menentukan berapakah jumlah yang akan diterima semula daripada peminjam berkenaan sekiranya perniagaan mereka merosot ataupun individu berkenaan menghadapi masalah kewangan.

Shamsuddin Ismail,. (2003)<sup>25</sup>, mengatakan bahawa semakin banyak modal yang disumbangkan oleh peminjam, semakin tinggi komitmennya kepada syarikat. Oleh itu peminjam akan menunjukkan kesungguhan yang tinggi untuk membayar balik pinjaman mereka. Kesimpulannya, modal merupakan salah satu alat pengukur yang penting untuk menilai kemampuan dan komitmen mereka kepada syarikat dan juga komitmen mereka untuk membayar semula pinjaman.

Modal atau *Capital* dalam konteks pinjaman pendidikan pula adalah lebih melihat kepada tahap pendapatan ibubapa pelajar itu sendiri kerana sebagai pelajar mereka tidak mempunyai pendapatan. Penggunaan konsep modal dalam pendidikan berbeza dengan pinjaman perniagaan kerana pelajar yang datang dari keluarga berpendapatan atau "modal" yang rendah lebih mendapat keutamaan dalam pemberian pinjaman berbanding rakan mereka yang datang daripada keluarga berpendapatan tinggi dan berkemampuan sebagaimana yang

---

<sup>25</sup> Shamsudin Ismail, *Pengurusan Bank Perdagangan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 6.

dilaksanakan oleh pihak MARA<sup>26</sup>, dimana antara syarat permohonan pinjaman MARA dalam negara ialah pendapatan bercukai ibubapa tidak melebihi RM50,000 setahun. Dengan yang demikian rata-rata penerima pinjaman MARA bagi pengajian dalam negara terdiri daripada mereka yang datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah yang mana apabila mereka sudah bekerja, keutamaan mereka adalah lebih kepada membantu keluarga dari segi kewangan selain untuk memenuhi keperluan diri-sendiri berbanding membayar semula pinjaman pendidikan.

Menurut kajian Dynarski. M., (2002)<sup>27</sup> yang menggunakan data *National Postsecondary Student Aid Study* untuk menganalisa perwatakan penerima pinjaman dengan membuat perbandingan diantara pembayar aktif dengan pembayar yang tidak aktif, hasil kajian beliau mendapati bahawa peratusan peminjam yang terdiri daripada kalangan keluarga yang berpendapatan rendah adalah lebih tinggi untuk tidak membayar semula pinjaman mereka. Malah usaha pihak penaja untuk mengurangkan kadar kegagalan pembayaran pinjaman di kalangan golongan berkenaan kebanyakannya menemui kegagalan.

#### 4. Cagaran (*Collateral*)

Cagaran adalah aset yang boleh dicagarkan oleh peminjam kepada pemberi pinjaman sebagai sandaran kepada pinjaman yang dipohon bagi mengurangkan risiko kredit (Shamsudin Ismail)<sup>28</sup>. Cagaran dirujuk sebagai sumber kedua pembayaran semula pinjaman, bagaimanapun dengan adanya cagaran tidak

---

<sup>26</sup> <http://www.mara.gov.my/bpp>

<sup>27</sup> Who defaults on student loan?. Finding from the National Postsecondary Student Aid Study, *Economics of Education Review*, Vol. 13 No. 1, 2002, hlm. 55 – 68.

<sup>28</sup> Shamsudin Ismail, *Pengurusan Bank Perdagangan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 6.

bermakna bahawa pinjaman tersebut tidak akan menghadapi masalah (Josef Eby Ruin)<sup>29</sup>. Kajian oleh Jimenez, G., Sales, V., dan Saurina, J., (2003)<sup>30</sup> mengenai penentuan cagaran dengan menggunakan data *Credit Register Database of Banco Espana* dari tahun 1984 hingga 2001 di Sepanyol menunjukkan, walaupun cagaran adalah penyelesaian kepada masalah *adverse selection* atau pemilihan sakal semasa pemberian pinjaman tetapi ianya masih bergantung kepada kualiti cagaran itu sendiri.

Pinjaman pendidikan juga memerlukan cagaran atau *collateral* dalam bentuk jaminan oleh penjamin. Latarbelakang penjamin diambilkira dari segi jumlah pendapatan, hubungan penjamin dengan pelajar, tahap umur iaitu umur 21 tahun keatas dan tidak melebihi 45 tahun dengan pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM500 sebulan serta bukan seorang yang bankrap. MARA mensyaratkan dua orang penjamin dan membenarkan samada ibu atau bapa menjadi salah seorang penjamin. Jika penjamin adalah ibu atau bapa pelajar, had umur 45 tahun dan syarat minima pendapatan sekurang-kurangnya RM500 sebulan tidak terpakai, maknanya had umur melebihi 45 tahun dan pendapatan kurang daripada RM500 juga layak menjamin anak mereka. Dengan ini kualiti penjamin dari segi keupayaan membayar semula sekiranya peminjam tidak membuat bayaran pinjamannya sendiri menjadi persoalan.

---

<sup>29</sup> Josef Eby Ruin, *Managing Service, Finance, Credit and Debts*. 2001: Kuala Lumpur. Leeds Publications. hlm. 102.

<sup>30</sup> Determinants of collateral, *Journal of Financial Economics*, 2003.

### 5. Keadaan (*Condition*)

Keadaan atau kedudukan pemohon adalah antara faktor penting yang akan dinilai oleh pemberi pinjaman termasuk keadaan persekitaran ekonomi semasa samada seseorang individu atau perniagaan itu berpotensi untuk berjaya serta mampu bertahan dalam situasi ekonomi yang berbeza ataupun tidak dan ini akan mempengaruhi kemampuan mereka untuk membayar balik pinjaman (Peter S.Rose & Sylvia C. Hudgins)<sup>31</sup>. Bagaimanapun, dalam konteks pinjaman pendidikan, pemberian pinjaman adalah lebih menjurus kepada situasi dimana keperluan bidang-bidang yang ditaja itu sesuai dengan hasrat pihak yang menaja dan juga keperluan pembangunan negara . Bagi agensi kerajaan seperti MARA, keutamaan tajaan adalah dalam bidang yang dianggap kritikal dalam negara dan bidang-bidang kursus yang sesuai dengan keperluan semasa dan selari dengan halatuju nasional negara ini. Ini bermakna dalam proses permohonan pinjaman pendidikan sediada, isu samada pemohon berkenaan mampu membayar balik pinjaman atau tidak dimasa hadapan tidak menjadi perkiraan dalam pemberian pinjaman pendidikan.

#### 2.5 Masalah Pembayaran Balik Pinjaman Selepas Pelajar Tamat Pengajian

Menurut Schwartz, S., dan Finnie, R., (1998)<sup>32</sup>, pembayaran balik pinjaman pendidikan adalah jelas turut menjadi beban kepada peminjamnya kerana para pelajar diberi pinjaman ketika mereka masih diusia muda tanpa sebarang pertimbangan keupayaan mereka dimasa hadapan untuk membuat bayaran. Kajian mereka juga menunjukkan bahawa jika peminjam berkenaan hendak

---

<sup>31</sup> Peter S.Rose & Sylvia C.Hudgins,. *Bank Management & Financial Services*, McGraw Hill International Edition, 2005: New York, Vol. 6, hlm. 536.

<sup>32</sup> Student loans in Canada : an analysis of borrowing and repayment, *Economics of Education Review*, Vol. 21, 2002, hlm. 497- 512.

membuat bayaran sekalipun, tahap pembayaran balik pinjaman tersebut bergantung kepada bagaimana mereka menilai perbelanjaan semasa, dimana mereka yang masih muda dan mempunyai kehendak yang tinggi untuk memenuhi keperluan memiliki barangan berharga dan berjenama, memiliki rumah serta kenderaan sendiri lebih awal sebaik saja memperoleh pekerjaan akan memilih untuk melengah-lengahkan bayaran pinjaman pendidikan mereka

Kajian Schwartz, S., dan Finnie, R., (1998)<sup>33</sup> ini disokong oleh kaji selidik yang dibuat oleh Baum dan Schwartz (1998)<sup>34</sup>, terhadap 1000 responden yang mendapat pinjaman pendidikan di Amerika yang ditanya samada mereka sanggup menangguhkan tiga keperluan utama iaitu membeli kereta, pemilikan rumah, penggunaan kad kredit disebabkan tanggungjawab membuat bayaran pinjaman pendidikan perlu diutamakan dahulu. Keputusannya ialah hanya 23% yang sanggup menangguhkan pembelian kereta, 17% menangguhkan pemilikan rumah sendiri manakala penggunaan serta pembayaran kad kredit 13%, daripada mahu mengutamakan pembayaran pinjaman pendidikan mereka. Begitu juga dengan kajian yang dibuat oleh Baum dan Saunders (1997)<sup>35</sup> dalam bentuk soalan yang sama dimana peratus penangguhan untuk memiliki ketiga-tiga barangan di atas hanyalah masing-masing pada tahap 40%, 31% dan 21%.

Kajian yang dibuat oleh Schwartz, S., dan Finnie, R.<sup>36</sup>, terhadap graduan-graduan Ijazah Sarjana Muda di Kanada menunjukkan bahawa bidang pengkhususan yang diambil dan *gender character* terhadap pinjaman adalah antara faktor yang menyumbang kepada masalah pembayaran balik pinjaman dimana graduan yang mengambil kursus "Kesusasteraan" adalah yang tertinggi

---

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> Baum, S., & Schwartz, S., The impact of students loans on borrowers: Consumption patterns and attitudes toward repayment, 1998, Mimeo, Boston: Tufts University.

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> *Ibid.*

dari segi peratusan yang bermasalah dalam pembayaran iaitu 33%, kursus “Sains Sosial” 23%, diikuti oleh kursus “Pertanian dan Sains Biologi” 25%, berbanding dengan purata keseluruhan bidang pengajian yang menghadapi masalah pembayaran iaitu 19%. Sementara pemegang ijazah bidang “Perubatan” adalah yang terendah dari segi masalah pembayaran pinjaman iaitu 10%. Ini disebabkan ketiga-tiga bidang tersebut iaitu Kesusasteraan, Sains Sosial, Pertanian dan Sains Biologi adalah dikategorikan sebagai bidang pengajian yang mendapat purata pendapatan yang rendah berbanding dengan lain-lain bidang pengajian. Mereka juga mendapati bidang-bidang yang mempunyai tahap pendapatan yang tinggi seperti kejuruteraan, sains fizikal, ekonomi dan bidang matematik adalah didominasi oleh lelaki.

Manakala dari segi *gender character*, walaupun mereka mendapati graduan lelaki mempunyai pendapatan yang lebih tinggi berbanding graduan wanita tetapi kadar bayaran balik pinjaman mereka sama taraf dengan jumlah yang dibayar oleh graduan lelaki yang secara relatifnya lebih berkemampuan dari segi kewangan, malah peratus bayaran balik pinjaman pada dua tahun pertama menunjukkan graduan wanita mengatasi graduan lelaki iaitu graduan wanita 31.5% dan graduan lelaki 31.4% . Secara purata graduan wanita mendapat pendapatan kurang berbanding graduan lelaki tetapi mereka lebih cepat menyelesaikan pinjaman berbanding graduan lelaki. Ini ada hubungan dengan perwatakan atau *character* wanita yang tidak suka mengambil risiko dan cuba menyelesaikan masalah lebih awal sebelum masalah yang lain timbul. Menurut Graham .F *et al.*, (2002)<sup>37</sup> yang membuat kajian tentang *Gender differences in investment strategies* mendapati, wanita lebih suka mengelak kepada risiko berbanding golongan lelaki

---

<sup>37</sup> Gender differences in investment strategies : an information processing perspective, *International Journal of Bank Marketing*, Vol. 20 No. 1, hlm. 17-26.

apabila mereka membuat sesuatu pelaburan. Kenyataan ini disokong oleh kajian Bruce dan Johnson., (1994), Barber dan Odean., (1995) dan Barskey *et al.*, (1996) yang secara konsisten mengatakan bahawa wanita lebih suka mengelak untuk menghadapi risiko (*risk aversion*) berbanding lelaki.

Selain faktor di atas Morgan, Richard., (2002)<sup>38</sup>, mendapati bahawa kadar pembayaran balik pinjaman pendidikan oleh pelajar sebagaimana juga pinjaman-pinjaman yang lain turut berkait-rapat dengan tahap perkembangan ekonomi semasa. Keadaan ekonomi yang mengalami masalah kemerosotan atau resesi akan menyumbang kepada peningkatan peratus kegagalan untuk membayar pinjaman. Ini boleh dilihat keatas kajian mereka di Amerika apabila pada tahun fiskal 2000 peratus kegagalan membayar pinjaman oleh bekas penerima pinjaman pendidikan telah meningkat kepada 5.9% berbanding 5.6% tahun sebelumnya kerana masalah resesi ekonomi berlaku di Amerika Syarikat pada ketika itu dan kesan daripada serangan pengganas terhadap Pusat Perdagangan Dunia pada September 2001.

Austin, M.J., dan Philips, M.R., (2001)<sup>39</sup> dalam kajian mereka mendapati bahawa masalah kegagalan pembayaran balik pinjaman pendidikan ada kaitan dengan tahap berhutangan yang tinggi disebabkan penggunaan kad kredit yang meluas di kalangan pelajar-pelajar semasa di universiti lagi dimana hasil kaji selidik menunjukkan 67% daripada keseluruhan pelajar kolej dan universiti di Amerika memiliki sekurang-kurangnya satu kad kredit. Ini bermakna bahawa mereka sudah terdedah kepada hutang sejak diperingkat pengajian lagi, oleh itu apabila mereka menamatkan pengajian di universiti dan bekerja, mereka sudah

---

<sup>38</sup> Reports on the increase in default rate on students loans in the U.S in the 2000 fiscal year, *Chronicle of Higher Education*, Vol. 49, 2000, Issue 4.

<sup>39</sup> Educating students: an ethics responsibility of credit card companies, *Journal of Services Marketing*, Vol. 15 No. 7, hlm. 516-528.

dibebani oleh hutang kad kredit sedia ada selain daripada hutang daripada pinjaman pendidikan ditambah lagi dengan hutang-hutang semasa. Ini menyukarkan mereka untuk membahagikan pendapatan mereka untuk membuat bayaran pinjaman pendidikan.

Masalah bayaran balik pinjaman juga boleh dikaitkan dengan tahap toleransi seseorang itu untuk berhadapan dengan sesuatu risiko. Daripada kajian yang dilakukan oleh Roszkowski., (1996), beliau mendapati bahawa kedudukan anak dalam keluarga atau *birth order* mempunyai hubungan dengan tahap kesediaan menghadapi risiko yang berbeza dikalangan adik-beradik dalam sebuah keluarga yang sama. Anak yang sulung dan anak tunggal dalam keluarga didapati lebih cenderung untuk mengelak kepada sebarang risiko yang tidak perlu. Ini bermakna mereka akan cuba dengan sebaik-baiknya untuk mengelak sebarang perkara yang menyebabkan masalah kepada mereka dikemudian hari. Memandangkan anak sulung adalah anak yang pertama dilahirkan dalam sebuah keluarga, oleh itu ibubapa mempunyai perhatian penuh serta kawalan yang lebih baik diawal kehidupan, mereka termasuk mendidik untuk berdikari dan lebih bertanggungjawab. Hasil kajian Sulloway., (1997) juga mendapati bahawa anak yang lebih tua dalam keluarga adalah mempunyai kecenderungan yang lebih rendah terhadap risiko berbanding dengan adik-adiknya.

## BAB 3

### METODOLOGI

#### 3.1 Pengenalan

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengkaji tahap pembayaran pinjaman dan faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah pembayaran semula pinjaman oleh bekas peminjam-peminjam pendidikan MARA di Sabah. Untuk tujuan berkenaan 100 unit sampel daripada *database* individu daripada Sistem Maklumat Berkomputer MARA (SMBM) yang telah menerima skim pinjaman tersebut bagi penerima tahun 1999 yang mengandungi latarbelakang bekas peminjam yang melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma dan ijazah pertama di pelbagai institusi pengajian tinggi di dalam negara dan maklumat rekod pembayaran mereka sebagai sampel kajian.

Penerima pinjaman tahun 1999 telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini kerana mengikut peraturan MARA sediaada<sup>40</sup>, MARA mensyaratkan penerima skim pinjamannya perlu membayar semula pinjaman mereka dalam tempoh 12 bulan selepas tamat tajaan. Tempoh tajaan dan tempoh purata pengajian peringkat diploma dan ijazah dalam negara bagi tahun yang berkenaan adalah selama tiga

---

<sup>40</sup> <http://www.mara.gov.my/bkk/>

tahun. Ini bermakna penerima-penerima pinjaman pada sesi Julai tahun 1999 akan menamatkan pengajian mereka pada Jun tahun 2002 dan akan mula membuat bayaran pinjaman mereka pada bulan Jun 2003 iaitu setahun kemudian atau empat tahun dari tarikh pinjaman berkenaan diluluskan. Manakala rekod bayaran yang dikaji ialah sepanjang tempoh tiga tahun mereka diwajibkan mula membayar pinjaman iaitu dari bulan Jun 2003 sehingga bulan Mei 2006. Jangkamasa 3 tahun adalah difikirkan sesuai diambil untuk melihat trend bayaran dan tunggakan bayaran pelajar. Bilangan pelajar Sabah yang mendapat tajaan MARA pada tahun 1999 adalah seramai 1,251\* orang pelajar seperti Jadual 1.4 di bawah.

**Jadual 1.4: Bilangan Pelajar Sabah Yang Mendapat Pinjaman Pendidikan MARA Bagi Pengajian Dalam Negara dari Tahun 1997 - 2001**

| Tahun         | Bil. Penuntut | Jumlah(RM)            |
|---------------|---------------|-----------------------|
| 1997          | 288           | 6,903,702.61          |
| 1998          | 1,595         | 31,903,636.11         |
| <b>1999*</b>  | <b>1,251</b>  | <b>28,285,410.76</b>  |
| 2000          | 1,048         | 15,753,678.27         |
| 2001          | 1,281         | 18,630,784.06         |
| <b>Jumlah</b> | <b>5,463</b>  | <b>101,477,211.80</b> |

*Sumber:* Bahagian Penganjuran Pelajaran MARA, 2002.

### 3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Bilangan 100 sampel dibahagikan kepada dua bahagian iaitu 50 sampel daripada *database* individu yang aktif dan 50 lagi sampel *database* individu yang kurang aktif atau tidak aktif di kalangan peminjam tahun 1999 dari segi pembayaran balik pinjaman telah dipilih secara rawak daripada kalangan penerima pinjaman MARA

dari seluruh Sabah sebagai bahan kajian. Maklumat-maklumat yang dapat diperolehi dari sumber yang sama dan menjadi fokus kajian ini ialah mengenai jumlah pinjaman, bidang pengajian yang diambil, kedudukan pelajar dalam keluarga, tempoh pinjaman, kategori penjamin, pendapatan ibubapa serta gender pelajar. Lain-lain maklumat yang berkaitan dengan identiti peminjam adalah dirahsiakan. Data-data yang diperolehi adalah data sekunder daripada "Sistem Fail Pelajar" iaitu *database* yang khusus mengenai rekod pelajar yang mendapat pinjaman pendidikan yang terkandung dalam Sistem Maklumat Berkomputer MARA. *Database* ini mengandungi maklumat mengenai pelajar serta penjamin semasa memohon, jumlah dan tempoh pinjaman, jenis kursus yang diambil, rekod bayaran, jumlah tunggakan, jantina dan tindakan peringatan yang diambil oleh pihak MARA.

Proses penghasilan data ialah menggunakan kaedah statistik melalui perisian SPSS. Asas statistik yang menggunakan kaedah Ujian T (*T-Test*), kadar kekerapan, peratusan dan perbandingan min yang diperolehi akan dianalisa untuk mendapatkan hasil kajian selanjutnya.

### 3.3 Analisa Data Peminjam Terhadap Setiap Faktor

Kajian ini adalah untuk melihat dan menganalisa sejauhmana faktor-faktor berikut iaitu pendapatan ibubapa, kategori penjamin, bidang pengajian, saiz pinjaman, tempoh bayaran, kedudukan pelajar dalam keluarga dan gender mempengaruhi tahap pembayaran semula pinjaman pendidikan dikalangan bekas pelajar-pelajar tajaan MARA. Dengan mengambilkira semua faktor di atas pembentukan model empirik untuk menganalisis sejauhmana faktor-faktor tersebut mempengaruhi pinjaman tahap bayaran semula pinjaman dan seterusnya daripada sampel yang ada, kajian akan dilakukan terhadap 7 (  $H1 - H7$  ) hipotesis seperti berikut:

### Hipotesis 1 (H1)

#### **Pendapatan atau Modal (*Capital*)<sup>41</sup> ibubapa pelajar mempengaruhi masalah bayaran balik pinjaman**

Kajian ini untuk melihat adakah tahap pendapatan ibubapa pelajar mempengaruhi bayaran balik. Adakah ibubapa yang berpendapatan lebih tinggi kurang bermasalah dalam bayaran balik pinjaman pendidikan. Menurut Shamsuddin Ismail (2003), semakin banyak modal iaitu semakin tinggi yang disumbangkan oleh peminjam dalam syarikatnya, semakin tinggi komitmennya untuk membayar balik pinjaman mereka. Ini bermakna dalam konteks pinjaman pendidikan, seperti yang dijelaskan dalam Bab 2, semakin tinggi pendapatan ibubapa maka semakin tinggi kemampuan dan komitmen pelajar untuk membayar pinjaman. Manakala kajian Dynarski. M., (2002) pula mendapati bahawa graduan yang terdiri daripada kalangan keluarga yang berpendapatan rendah lebih bermasalah dalam pembayaran semula pinjaman mereka.

### Hipotesis 2 (H2)

#### **Kategori Penjamin atau Cagaran (*Collateral*)<sup>42</sup> mempengaruhi bayaran balik pinjaman**

Kajian terhadap latarbelakang penjamin dengan tahap bayaran pinjaman. Adakah faktor keluarga dan bukan keluarga pelajar sebagai penjamin akan mempengaruhi bayaran balik pinjaman. Iaitu hubungan pelajar dengan ibubapa atau ahli keluarga sebagai penjamin dan bukan ahli keluarga sebagai penjamin. Kajian terhadap kategori penjamin dilakukan bagi melihat tahap bayaran oleh yang pelajar yang mana pinjamannya dijamin sendiri oleh ahli keluarga dan tahap bayaran oleh

---

<sup>41</sup> Istilah Modal atau *Capital* daripada 5C's dalam konteks pinjaman pendidikan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah merujuk kepada pendapatan Ibubapa.

<sup>42</sup> Istilah Cagaran atau *Collateral* daripada 5C's dalam konteks pinjaman pendidikan dalam kajian ini ialah merujuk kepada penjamin.

pelajar yang mana penjaminnya bukan di kalangan ahli keluarga. Kajian ini juga melihat samada kualiti penjamin atau *collateral* dalam pinjaman pendidikan bergantung kepada, samada penjamin berkenaan adalah ahli keluarga atau bukan ahli keluarga pelajar. Menurut Jim'enez. G., Sales. V., dan Saurina, J., (2003)<sup>43</sup> dalam kajian mereka yang bertajuk *Determinants of collateral*, walaupun cagaran (*collateral*) adalah jalan penyelesaian kepada masalah pemilihan sakal (*adverse selection*) semasa pemberian pinjaman tetapi ianya bergantung kepada kualiti sesuatu cagaran. Ini bermakna walaupun dengan adanya cagaran atau penjamin tetapi sekiranya ia kurang berkualiti, penjamin berkenaan tidak menyumbang kepada penyelesaian masalah bayaran balik pinjaman.

### **Hipotesis 3 (H3)**

#### **Bidang Pengajian yang diambil mempengaruhi bayaran balik pinjaman**

Kajian dibuat untuk melihat adakah bidang pengajian yang diambil oleh peminjam memberi kesan kepada tahap bayaran balik pinjaman pendidikan. Adakah mereka yang mengambil bidang pengajian tertentu menjadi faktor kepada masalah pembayaran balik pinjaman pendidikan. Kajian ini memfokus kepada tahap pembayaran balik pinjaman dikalangan peminjam yang mengikuti bidang pengajian diambil semasa mereka belajar. Data-data diperolehi daripada *database* akan dianalisa dan dibahagikan kepada 6 bidang pengajian yang diberi keutamaan mendapat tajaan iaitu bidang Perubatan, Kejuruteraan, Pengurusan & Perakaunan, Komputer Sains & Teknologi Maklumat, Bidang Sains Sosial dan Pengajian Agama. Kajian yang dibuat oleh Schwartz, S., dan Finnie, R., (1998) di Amerika mendapati mereka yang berlatarbelakangkan bidang pengajian seperti Kedokteran dan Kejuruteraan mempunyai peratusan yang rendah dari segi

---

<sup>43</sup> *Determinants of collateral, Journal of Financial Economics, 2003.*

masalah bayaran balik pinjaman pendidikan mereka. Manakala mereka yang berlatarbelakangkan bidang Kesusasteraan dan bidang Sains Sosial lebih bermasalah dalam bayaran balik pinjaman iaitu masing-masing 33% dan 23% berbanding purata masalah bayaran mengikut bidang pengajian sebanyak 19%.

#### **Hipotesis 4 (H4)**

##### **Saiz Pinjaman mempengaruhi masalah bayaran pinjaman**

Kajian ini mengenai hubungan antara saiz pinjaman pendidikan dengan tahap pembayaran balik pinjaman MARA. Adakah pelajar yang mempunyai jumlah pinjaman yang tinggi lebih bermasalah dalam pembayaran atau pelajar yang mempunyai jumlah pinjaman yang sedikit lebih bermasalah dalam pembayaran pinjaman pendidikan. Jika melihat kepada kajian yang dibuat oleh Lawrence *et al.*, (1992) terhadap data *Mobile Home Credit* di USA yang dipetik oleh Carling, K., Jacobson, T dan Roszbach, K., (1998)<sup>44</sup>, mereka mendapati bahawa salah satu faktor yang menyumbang kepada masalah pembayaran semula pinjaman ialah saiz pinjaman, dimana jumlah pinjaman yang kecil lebih tinggi peratus kebarangkaliannya untuk bermasalah dalam pembayaran semula berbanding dengan saiz pinjaman yang lebih besar.

#### **Hipotesis 5 (H5)**

##### **Tempoh Bayaran mempengaruhi bayaran balik pinjaman**

Kajian ini untuk melihat samada tempoh bayaran balik yang dikenakan akan mempengaruhi tahap bayaran balik peminjam pendidikan MARA. Pelajar tajaan MARA dikehendaki membayar semula pinjaman mereka dalam 12 bulan selepas

---

<sup>44</sup> Dormancy risk and expected profits of consumer loan, *Journal of Banking & Finance*, Vol. 25, 2001. hlm. 717-739

tempoh tajaan berkenaan tamat. Manakala tempoh bayaran yang dikenakan adalah dari 10 tahun sehingga 25 tahun.

#### **Hipotesis 6 (H6)**

##### **Kedudukan Pelajar Dalam Keluarga menyumbang kepada masalah pembayaran balik pinjaman pendidikan MARA**

Kajian bagi mengenalpasti samada kedudukan peminjam di kalangan ahli keluarga mempengaruhi keupayaan peminjam untuk membuat bayaran balik pinjaman. Iaitu adakah kerana peminjam anak sulung atau anak bongsu, dan sebagainya mempengaruhi trend bayaran semula pinjaman. Roszkowski., (1996), mendapati bahawa kedudukan anak dalam keluarga mempunyai hubungan dengan tahap kesediaan menghadapi risiko yang berbeza dikalangan adik-beradik dalam sebuah keluarga yang sama. Anak yang sulung dan anak tunggal dalam keluarga didapati lebih cenderung untuk mengelak kepada sebarang risiko yang tidak perlu. Sulloway., (1997) juga mendapati bahawa anak yang lebih tua dalam keluarga adalah mempunyai kecenderungan yang lebih rendah terhadap risiko berbanding dengan adik-adiknya.

#### **Hipotesis 7 (H7)**

##### **Gender mempengaruhi kadar bayaran balik pinjaman**

Kajian untuk melihat samada faktor jantina peminjam akan mempengaruhi bayaran balik pinjaman pendidikan anjuran MARA. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Schwartz dan Finnie (1998) di Kanada, peratus bayaran balik pinjaman pada dua tahun pertama menunjukkan graduan wanita mengatasi graduan lelaki iaitu graduan wanita 31.5% dan graduan lelaki 31.4% . Secara purata graduan wanita mendapat pendapatan kurang berbanding graduan lelaki tetapi mereka lebih cepat

menyelesaikan pinjaman berbanding graduan lelaki. Hal ini boleh dikaitkan dengan perwatakan atau *character* wanita yang tidak suka mengambil risiko dan cuba menyelesaikan masalah lebih awal sebelum masalah yang lain timbul. Graham. F *et al.*, (2002)<sup>45</sup> mendapati, wanita lebih suka mengelak kepada risiko berbanding golongan lelaki apabila mereka membuat sesuatu keputusan pelaburan. Kenyataan ini disokong oleh kajian Bruce dan Johnson., (1994), Barber dan Odean., (1995) dan Barskey *et al.*, (1996).

Hak Milik MARA

---

<sup>45</sup> Gender differences in investment strategies : an information processing perspective, *International Journal of Bank Marketing*, Vol. 20 No. 1, hlm. 17-26

## BAB 4

### HASIL KAJIAN

#### 4.1 Latarbelakang Sampel

Jumlah keseluruhan sampel yang dipilih ialah sebanyak 100 peminjam yang dikategorikan kepada dua bahagian iaitu 50 sampel yang mewakili peminjam yang mempunyai tunggakan melebihi 3 bulan atau tidak membuat sebarang bayaran. Manakala 50 sampel lagi mewakili peminjam yang aktif dalam pembayaran dengan tiada tunggakan bayaran atau tunggakan tidak melebihi 3 bulan (jika ada).

Sampel diperolehi daripada *database* "Sistem Pelajar" dalam Sistem Maklumat Berkomputer MARA yang diambil secara rawak tanpa mengambilkira kumpulan etnik dan wilayah atau daerah bagi kedua-dua kategori daripada keseluruhan 1,251<sup>46</sup> populasi peminjam pendidikan MARA di Sabah yang melanjutkan pengajian peringkat diploma dan ijazah di dalam negara samada ke IPTA ataupun IPTS pada tahun 1999 dan menamat pengajian pada tahun 2002.

---

<sup>46</sup>Sila rujuk Jadual 1.4

## 4.2 Latarbelakang Kajian Hipotesis

Kajian yang dibuat dengan menganalisa 7 faktor dalam kajian melalui ujian Hipotesis 1 (H1) hingga Hipotesis 7 (H7). Daripada ujian terhadap hipotesis melalui pemboleh pendapatan ibubapa (H1), kategori penjamin (H2), Bidang Pengajian (H3), Saiz pinjaman (H4), Tempoh Pinjaman (H5), Kedudukan pelajar dalam keluarga (H6), Gender (H7), berikut adalah indikator bagi setiap pembolehubah, seterusnya analisa hasil kajian yang dibuat menggunakan kaedah statistik dengan bantuan perisian SPSS.

## 4.3 Deskripsi Pembolehubah (*Description of Variables*)

### i. Pendapatan Bulanan Ibubapa

Tahap pendapatan ibubapa dibahagikan kepada 5 indikator iaitu pendapatan RM200 hingga RM1,000 sebagai (1), pendapatan antara RM1,000-RM2,000 (2), pendapatan antara RM2,001-RM3,000 (3), pendapatan antara RM3,001-RM4,000 (4), dan pendapatan melebihi RM4,000 sebagai (5).

### ii. Kategori Penjamin

Penjamin yang terdiri daripada ahli keluarga iaitu ibubapa atau adik-beradik kepada pelajar di kod sebagai '1'; Manakala penjamin bukan ahli keluarga di kod sebagai '0'.

### iii. Bidang pengajian

Bidang pengajian dibahagikan kepada 6 indikator iaitu Kejuruteraan sebagai (1), Perubatan (2), Pengurusan & Perakaunan (3), Teknologi Maklumat & Sains Komputer (4), Sains Sosial (5) dan Pengajian Agama sebagai (6).

**iv. Saiz Pinjaman**

Saiz atau jumlah pinjaman dibahagikan kepada 6 indikator iaitu pinjaman berjumlah RM18,000 sebagai (1), jumlah pinjaman RM22,000 (2), jumlah pinjaman RM23,000 (3), jumlah pinjaman RM25,000 (4) dan jumlah pinjaman RM30,000 sebagai (5), RM33,000 sebagai (6).

**v. Tempoh Pinjaman**

Tempoh pinjaman atau tempoh bayaran balik pinjaman dibahagikan kepada 5 indikator iaitu tempoh pinjaman kurang daripada 6 tahun sebagai (1), tempoh pinjaman 10 tahun (2), tempoh pinjaman 15 tahun (3), tempoh pinjaman 20 tahun (4) dan tempoh pinjaman 25 tahun sebagai (5).

**vi. Kedudukan pelajar di kalangan adik-beradik**

Kedudukan pelajar dibahagikan kepada indikator iaitu anak sulung sebagai (1), anak kedua (2), anak ketiga (3), anak keempat (4), kelima (5), keenam (6), ketujuh (7), dan anak bongsu sebagai (9).

**vii. Gender**

Lelaki di kod sebagai '1'; Wanita di kod sebagai '0'.

#### 4.4 Hipotesis 1 (H1)

##### **Pendapatan Ibubapa pelajar mempengaruhi masalah bayaran balik pinjaman pendidikan**

Kajian oleh Dynarski, M., (2002)<sup>47</sup>, menunjukkan bahawa kadar kegagalan peminjam iaitu pelajar yang datang daripada “keluarga yang berpendapatan rendah” secara relatifnya adalah lebih tinggi berbanding pelajar yang datang daripada “keluarga yang berpendapatan tinggi”.

Kajian yang dibuat terhadap 100 sampel pinjaman pendidikan MARA menunjukkan 50% atau 50 orang adalah pelajar yang datang daripada keluarga yang berpendapatan RM200 hingga RM1,000 sebulan, dan 21% atau 21 pelajar datang daripada keluarga berpendapatan antara RM1,200 hingga RM2,000 sebulan, manakala 29% atau 29 orang pelajar daripada keluarga berpendapatan RM2,100 hingga RM4,300 sebulan. Untuk mengetahui samada pendapatan ibubapa boleh mempengaruhi kadar bayaran atau tidak mempengaruhi, kajian perlu dilakukan menggunakan kaedah Ujian T atau *T-Test*.

**Jadual 1.5 : Keputusan *T-Test for Group Statistics***

|                    | <b>Status bayaran</b> | <b>N</b> | <b>Mean</b> | <b>Std. Deviation</b> | <b>Std. Error Mean</b> |
|--------------------|-----------------------|----------|-------------|-----------------------|------------------------|
| Pendapatan Ibubapa | Bukan Pembayar Aktif  | 50       | 8.360       | 8.5804                | 1.2134                 |
|                    | Pembayar Aktif        | 50       | 22.280      | 11.3498               | 1.6051                 |

<sup>47</sup> Who defaults on student loan?. Finding from the National Postsecondary Student Aid Study, *Economics of Education Review*, Vol. 13 No. 1, 2002, hlm. 55 – 68.

Jadual 1.6 : Keputusan *T-Test for Independent Samples Test*

|                   | <i>T-Test For Equality of Means</i> |           |                        |                        |                              |                                                            |                                                            |
|-------------------|-------------------------------------|-----------|------------------------|------------------------|------------------------------|------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------|
|                   | <i>t</i>                            | <i>df</i> | <i>Sig. (2-tailed)</i> | <i>Mean Difference</i> | <i>Std. Error Difference</i> | 95% Confidence Intervals of the Difference<br><i>Lower</i> | 95% Confidence Intervals of the Difference<br><i>Upper</i> |
| Pendapatan Iubupa | -6.918                              | 98        | .000                   | -13.920                | 2.0122                       | -17.9131                                                   | -9.9269                                                    |

Jadual 1.5 dan Jadual 1.6 adalah keputusan Ujian-T yang menggunakan perisian SPSS dimana nilai  $t = -6.918$  signifikan pada  $p < 0.05$ , dimana  $p = 0.000$  iaitu signifikan pada aras 99%. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang amat signifikan antara jurang pendapatan ibubapa dengan kadar bayaran balik pinjaman pendidikan MARA

Didapati bahawa nilai perbezaan Min (*Mean*) antara bukan pembayar dengan pembayar aktif ialah -13.92, ini menunjukkan bahawa pelajar yang datang daripada keluarga yang berpendapatan lebih rendah adalah lebih bermasalah dalam pembayaran balik pinjaman berbanding dengan pelajar yang datang daripada keluarga berpendapatan tinggi dalam konteks pinjaman pendidikan anjuran MARA.

Dengan terdapatnya hubungan yang signifikan iaitu  $p < 0.05$  antara jurang pendapatan ibubapa dengan tahap bayaran balik pinjaman di MARA, ini bermakna dalam konteks pinjaman pendidikan, tahap pendapatan ibubapa pelajar yang memohon pinjaman boleh mempengaruhi kadar bayaran balik pinjaman pendidikan itu sendiri dan ini selari dengan kajian lepas oleh Dynarski, M., (2002)

iaitu pelajar yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah lebih bermasalah untuk membayar balik pinjaman pendidikan mereka.

#### 4.5 Hipotesis 2 (H2)

**Kategori Penjamin mempengaruhi masalah bayaran balik pinjaman pendidikan**

Penjamin dikategorikan kepada penjamin di kalangan ahli keluarga dan penjamin bukan di kalangan ahli keluarga peminjam. Kajian terhadap 100 sampel pinjaman menunjukkan 52% atau 52 orang pelajar yang membayar dan tidak membayar pinjaman adalah terdiri daripada mereka yang dijamin oleh ahli keluarga sendiri. Manakala selebihnya 48% atau 48 orang pelajar dijamin oleh bukan ahli keluarga.

**Jadual 1.7 : Keputusan *T-Test for Group Statistics***

|                          | <b>Status bayaran</b> | <b>N</b> | <b>Mean</b> | <b>Std. Deviation</b> | <b>Std. Error Mean</b> |
|--------------------------|-----------------------|----------|-------------|-----------------------|------------------------|
| <b>Kategori Penjamin</b> | Tidak bayar           | 50       | 0.64        | 0.485                 | 0.069                  |
|                          | Pembayar aktif        | 50       | 0.40        | 0.495                 | 0.070                  |

**Jadual 1.8 : Keputusan *T-Test for Independent Samples Test***

|                   | <b><i>T-Test For Equality of Means</i></b> |                  |                               |                               |                                     |                                                                                     |                                                                                     |
|-------------------|--------------------------------------------|------------------|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
|                   | <b><i>t</i></b>                            | <b><i>df</i></b> | <b><i>Sig. (2-tailed)</i></b> | <b><i>Mean Difference</i></b> | <b><i>Std. Error Difference</i></b> | <b><i>95% Confidence Intervals of the Difference</i></b><br><br><b><i>Lower</i></b> | <b><i>95% Confidence Intervals of the Difference</i></b><br><br><b><i>Upper</i></b> |
| Kategori Penjamin | 2.449                                      | 98               | 0.016                         | 0.24                          | 0.098                               | 0.046                                                                               | 0.434                                                                               |

Daripada analisa dalam Jadual 1.7 dan jadual 1.8, terdapat perbezaan yang signifikan antara penjamin dikalangan ahli keluarga dengan penjamin bukan ahli keluarga dengan tahap bayaran balik pinjaman pendidikan, dimana nilai  $t = 2.449$  signifikan pada  $p < 0.05$ , iaitu  $p = 0.016$ . Manakala nilai perbezaan *Mean* antara bukan pembayar dengan pembayar aktif ialah 0.24, ini menunjukkan bahawa pinjaman pendidikan yang dijamin oleh ahli keluarga adalah lebih cenderung menyumbang kepada masalah bayaran balik pinjaman berbanding dengan pinjaman yang dijamin oleh bukan ahli keluarga pelajar itu sendiri. Situasi ini berlaku boleh dikaitkan dengan perwatakan atau *character* pelajar itu sendiri yang tidak mempunyai kesungguhan, kejujuran dan rasa tanggungjawab untuk membayar pinjaman mereka sebagaimana yang dinyatakan oleh Rose, P.S., dan Hudgins, S.C., (2002)<sup>48</sup> berhubung dengan perwatakan peminjam.

<sup>48</sup> Peter S.Rose & Sylvia C.Hudgins,. *Bank Management & Financial Services*, McGraw Hill International Edition, 2005: New York, Vol. 6, hlm. 533.

Menurut Josef Eby Ruin., (2001)<sup>49</sup>, peminjam yang liat membayar pinjaman adalah mereka yang mempunyai masalah '*credit character*' berbanding dengan masalah '*moral character*'. Ini kerana, peminjam-peminjam ini mungkin mempunyai reputasi moral yang tinggi dikalangan masyarakat tetapi dalam hal berkaitan pinjaman, mereka mempunyai sikap tidak apa, alpa dan tidak mempunyai kesungguhan untuk membayar pinjaman mereka terutamanya dalam konteks pinjaman pendidikan. Sehubungan itu, perlu ada pihak lain selain daripada pihak pemberi pinjaman yang sentiasa memberi peringatan dan sebagai 'faktor penolak' supaya mereka melaksanakan tanggungjawab untuk membayar pinjaman yang diterima iaitu penjamin (*guarantor*).

Peminjam yang liat atau enggan membayar pinjaman akan memberi masalah kepada penjamin kerana sebagai penjamin mereka akan turut menanggung masalah yang sama dengan tindakan yang bakal dihadapi oleh peminjam seperti disenarai hitamkan oleh agensi kewangan, termasuk dalam senarai Carian Kredit atau *Credit Transaction Online System (CTOS)* yang akhirnya boleh menjejaskan imej mereka. Penjamin yang bukan di kalangan ahli keluarga peminjam akan lebih menghadapi tekanan berbanding dengan ahli keluarga peminjam sekiranya tindakan tertentu dilakukan oleh pihak yang memberi pinjaman kerana mereka tidak ada sebarang kepentingan ataupun hubungan kekeluargaan dengan si peminjam.

Oleh itu kategori penjamin seperti di atas akan berperanan sebagai *check and balace* atau sebagai *pusher* yang memastikan peminjam yang mereka telah jamin tidak mengabaikan tanggungjawab untuk membayar semula pinjaman. Kenyataan tersebut menyokong keputusan Ujian-T hipotesis dalam kajian ini

---

<sup>49</sup> Josef Eby Ruin, *Managing Service, Finance, Credit and Debts*. 2001:Kuala Lumpur. Leeds Publications. hlm. 101 - 102.

dimana peminjam yang dijamin oleh penjamin yang bukan ahli keluarga lebih cenderung untuk membayar pinjaman berbanding peminjam yang dijamin oleh ahli keluarga. Sebagai kesimpulan, kategori penjamin mempengaruhi masalah bayaran balik pinjaman pendidikan anjuran MARA.

#### 4.6 Hipotesis 3 (H3)

##### **Bidang Pengajian mempengaruhi masalah bayaran balik pinjaman pendidikan**

Kajian yang dibuat terhadap 100 sampel pinjaman pendidikan MARA yang dibahagikan kepada 50 pinjaman bermasalah dan 50 pinjaman tidak bermasalah menunjukkan 40% atau 40 orang pelajar yang mendapat pinjaman adalah mereka yang mengikuti pengajian dalam bidang Teknologi Maklumat & Sains Komputer, 25% atau 25 orang pelajar yang mengikuti bidang pengajian Pengurusan & Perakaunan, 20% atau 20 orang pelajar yang mengikuti bidang kejuruteraan, 9% atau 9 orang pelajar yang mengikuti bidang Sains Sosial dan 6% atau 6 pelajar yang mengikuti bidang Pengajian Agama.

**Jadual 1.9 : Keputusan *T-Test for Group Statistics***

|                  | <b>Status bayaran</b> | <b>N</b> | <b>Mean</b> | <b>Std. Deviation</b> | <b>Std. Error Mean</b> |
|------------------|-----------------------|----------|-------------|-----------------------|------------------------|
| Bidang Pengajian | Tidak Membayar        | 50       | 3.480       | 1.3589                | 0.1922                 |
|                  | Pembayar Aktif        | 50       | 3.240       | 1.4647                | 0.2071                 |

Jadual 1.10 : Keputusan *T-Test for Independent Samples Test*

|                  | <i>T-Test For Equality of Means</i> |           |                        |                        |                              |                                            |                                            |
|------------------|-------------------------------------|-----------|------------------------|------------------------|------------------------------|--------------------------------------------|--------------------------------------------|
|                  | <i>t</i>                            | <i>df</i> | <i>Sig. (2-tailed)</i> | <i>Mean Difference</i> | <i>Std. Error Difference</i> | 95% Confidence Intervals of the Difference | 95% Confidence Intervals of the Difference |
|                  |                                     |           |                        |                        |                              | Lower                                      | Upper                                      |
| Bidang Pengajian | 0.849                               | 98        | 0.398                  | 0.240                  | 0.2826                       | -0.3207                                    | 0.8007                                     |

Daripada keputusan analisa Ujian-T dalam Jadual 1.9 dan Jadual 1.10, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara bidang pengajian dengan tahap bayaran balik pinjaman pendidikan dimana nilai  $t = 0.849$  adalah tidak signifikan pada  $p < 0.05$ . Oleh itu bidang pengajian yang dipilih oleh pelajar dan mendapat tajaan MARA tidak mempengaruhi pembayaran balik pinjaman, seterusnya ia bukan sebagai faktor penyumbang kepada masalah pembayaran pinjaman di kalangan penerima-penerima pinjaman pendidikan MARA.

Keputusan yang diperolehi dalam kajian ini adalah tidak selari dengan kajian yang dibuat oleh Schwartz, S., dan Finnie, R., (1998)<sup>50</sup> terhadap graduan-graduan Ijazah Sarjana Muda di Kanada dimana mereka mendapati bahawa graduan yang mengambil bidang pengajian seperti Kesusasteraan menyumbang 33% kepada masalah bayaran, Sains Sosial 23%, bidang Pertanian & Sains Biologi 25% dan masalah purata keseluruhan lain-lain bidang pengajian ialah 19%.

<sup>50</sup> Student loans in Canada : an analysis of borrowing and repayment, *Economics of Education Review*, Vol. 21, 2002, hlm. 497- 512.

Perbezaan hasil kajian ini berlaku kerana di negara-negara maju seperti Kanada dan Amerika Syarikat, kadar gaji atau pendapatan yang diterima oleh graduan adalah berbeza mengikut sektor pekerjaan. Jurang pendapatan yang diperolehi oleh seorang doktor, saintis, pakar IT atau jurutera di negara-negara berkenaan adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan jumlah pendapatan di sektor pekerjaan yang lain, oleh itu mereka lebih berkemampuan dari segi kewangan serta tidak banyak menghadapi masalah dalam pembayaran pinjaman pendidikan mereka.

Di Malaysia jurang pendapatan yang diterima samada oleh graduan Sastera, Sains, Pertanian, Kejuruteraan, IT atau Kedokteran adalah hampir sama atau tiada perbezaan terutamanya di jabatan-jabatan kerajaan. Oleh itu hasil kajian yang diperolehi di Kanada tidak dapat diaplikasikan di negara ini kerana faktor jurang pendapatan yang dinyatakan di atas. Sebagai kesimpulan, bidang pengajian bukan faktor signifikan yang menyumbang kepada masalah bayaran balik pinjaman pendidikan MARA khususnya di Malaysia amnya.

#### 4.7 Hipotesis 4 (H4)

**Saiz Pinjaman mempengaruhi masalah bayaran balik pinjaman pendidikan**

Kajian yang dibuat terhadap 100 sampel pinjaman pendidikan MARA mendapati 42% atau 42 orang pelajar adalah mereka yang mempunyai saiz pinjaman RM22,000, 30% atau 30 orang pelajar yang mempunyai pinjaman RM23,000, 13% atau 13 orang pelajar yang mempunyai jumlah pinjaman RM33,000, 7% atau 7 orang mempunyai pinjaman berjumlah RM30,000, 7% mempunyai pinjaman RM23,000 dan 1% atau 1 orang pelajar mempunyai pinjaman RM18,000.

Jadual 1.11 : Keputusan *T-Test for Group Statistics*

|               | Status bayaran | N  | Mean  | Std. Deviation | Std. Error Mean |
|---------------|----------------|----|-------|----------------|-----------------|
| Saiz Pinjaman | Tidak Membayar | 50 | 4.240 | 1.4365         | 0.2032          |
|               | Pembayar Aktif | 50 | 4.540 | 1.4458         | 0.2045          |

Jadual 1.12 : Keputusan *T-Test for Independent Samples Test*

| T-Test For Equality of Means |        |    |                 |                 |                       |                                                              |                                                              |
|------------------------------|--------|----|-----------------|-----------------|-----------------------|--------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|
|                              | t      | df | Sig. (2-tailed) | Mean Difference | Std. Error Difference | 95% Confidence Intervals of the Difference<br>Lower<br>Upper | 95% Confidence Intervals of the Difference<br>Lower<br>Upper |
| Saiz Pinjaman                | -1.041 | 98 | 0.301           | -0.300          | 0.2882                | -0.8720<br>0.2720                                            |                                                              |

Daripada keputusan analisa Ujian-T dalam Jadual 1.11 dan jadual 1.12, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jumlah pinjaman dengan tahap bayaran balik pinjaman pendidikan dimana nilai  $t = -1.041$  tidak signifikan pada  $p$ , dimana  $p = 0.301$  ( $p > 0.05$ ). Oleh itu jumlah pinjaman yang diterima tidak mempengaruhi pembayaran balik pinjaman seterusnya ia bukan sebagai faktor penyumbang kepada masalah pembayaran pinjaman dikalangan penerima-penerima pinjaman pendidikan MARA. Sehubungan dengan itu ianya berbalik kepada masalah *credit character* sebagaimana yang dinyatakan oleh Joseph Eby Ruin., (2001). Jumlah pinjaman samada kecil atau besar tidak membawa

perbezaan kepada peminjam yang mempunyai sikap *credit character* iaitu sikap yang tidak mempunyai kesungguhan, keazaman dan rasa tanggungjawab untuk membayar semula walau berapa pun jumlah yang dipinjam. Sebagai kesimpulannya, saiz pinjaman adalah bukan faktor signifikan yang mempengaruhi masalah bayaran balik pinjaman pendidikan anjuran MARA.

#### 4.8 Hipotesis 5 (H5)

**Tempoh Pinjaman mempengaruhi masalah bayaran balik pinjaman pendidikan**

Daripada 100 sampel pinjaman pendidikan MARA yang dikategorikan sebagai pinjaman bermasalah dan pinjaman tidak bermasalah menunjukkan 34% atau 34 orang pelajar mempunyai tempoh bayaran balik 15 tahun, 30% atau 30 orang pelajar yang mempunyai tempoh pinjaman antara 25 tahun, 29% atau 29 orang pelajar yang mempunyai tempoh pinjaman 20 tahun dan 7% atau 7 orang pelajar mempunyai tempoh pinjaman 10 tahun.

**Jadual 1.13 : Keputusan T-Test for Group Statistics**

|                 | <b>Status bayaran</b> | <b>N</b> | <b>Mean</b> | <b>Std. Deviation</b> | <b>Std. Error Mean</b> |
|-----------------|-----------------------|----------|-------------|-----------------------|------------------------|
| Tempoh Pinjaman | Tidak Membayar        | 50       | 3.980       | 1.0398                | 0.1471                 |
|                 | Pembayar Aktif        | 50       | 3.660       | 0.8234                | 0.1164                 |

Jadual 1.14 : Keputusan *T-Test for Independent Samples Test*

|                 | <i>T-Test For Equality of Means</i> |           |                        |                        |                              |                                                            |                                                            |
|-----------------|-------------------------------------|-----------|------------------------|------------------------|------------------------------|------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------|
|                 | <i>t</i>                            | <i>df</i> | <i>Sig. (2-tailed)</i> | <i>Mean Difference</i> | <i>Std. Error Difference</i> | 95% Confidence Intervals of the Difference<br><i>Lower</i> | 95% Confidence Intervals of the Difference<br><i>Upper</i> |
| Tempoh Pinjaman | 1.706                               | 98        | 0.091                  | 0.320                  | 0.1876                       | -0.0522                                                    | 0.6922                                                     |

Daripada keputusan analisa Ujian-T dalam Jadual 1.13 dan jadual 1.14, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tempoh pinjaman dengan tahap bayaran balik pinjaman pendidikan dimana nilai  $t = 1.706$  tidak signifikan pada  $p$ , dimana  $p = 0.091$  ( $p > 0.05$ ). Oleh itu tempoh pinjaman tidak mempengaruhi pembayaran balik pinjaman seterusnya bukan sebagai faktor penyumbang kepada masalah pembayaran pinjaman di kalangan penerima-penerima pinjaman pendidikan MARA.

Dalam konteks pinjaman pendidikan MARA yang tidak mengenakan sebarang kadar faedah dan lebih bertujuan untuk pembangunan insan serta khidmat sosial, pelajar-pelajar yang menerima pinjaman seperti yang diterangkan dalam bab 1, dikehendaki membayar semula pinjaman mereka 12 bulan selepas tamat tempoh tajaan dan akan membuat bayaran secara ansuran bulanan selama 10 tahun hingga 25 tahun tertakluk kepada jumlah pinjaman. Walaubagaimanapun, pelajar atau graduan yang menghadapi kesukaran untuk membayar jumlah ansuran bulanan yang ditetapkan masih boleh merayu dan berunding dengan pihak MARA untuk melanjutkan tempoh pinjaman yang secara langsung dapat

mengurangkan kadar bayaran bulanan dalam jumlah dan jangka masa yang munasabah berdasarkan jumlah pendapatan serta liabiliti sedia ada yang ditanggung oleh bekas pelajar yang berkenaan.

Oleh yang demikian, berdasarkan peluang dan kelonggaran seperti di atas, tempoh pinjaman seperti dalam keputusan Ujian-T bagi Hipotesis 5 ( $H_5$ ) pada  $p > 0.05$ , adalah tidak mempengaruhi masalah bayaran balik pinjaman pendidikan anjuran MARA.

#### 4.9 Hipotesis 6 ( $H_6$ )

**Kedudukan Pelajar Dalam Ahli Keluarga mempengaruhi masalah bayaran balik pinjaman pendidikan**

Daripada 100 sampel pinjaman pendidikan MARA yang dikategorikan sebagai pinjaman bermasalah dan pinjaman tidak bermasalah menunjukkan 22% atau 22 orang pelajar adalah mereka yang berada dalam kedudukan anak sulung, 22% atau 22 orang pelajar yang berada dalam kedudukan anak ketiga, 18% atau 18 orang masing-masing adalah anak kedua dan anak keempat, 16% atau 16 orang lagi anak kelima dan 2% atau 2 orang pelajar adalah anak bongsu dan 1% atau seorang adalah masing-masing anak keenam dan ketujuh.

**Jadual 1.15 : Keputusan *T-Test for Group Statistics***

|                          | Status bayaran | N  | Mean  | Std. Deviation | Std. Error Mean |
|--------------------------|----------------|----|-------|----------------|-----------------|
| Kedudukan Dalam Keluarga | Tidak Membayar | 50 | 3.460 | 1.6315         | 0.2307          |
|                          | Pembayar Aktif | 50 | 2.720 | 1.8410         | 0.2604          |

Jadual 1.16 : Keputusan *T-Test for Independent Samples Test*

|                          | <i>T-Test For Equality of Means</i> |           |                        |                        |                              |                                                            |                                                            |
|--------------------------|-------------------------------------|-----------|------------------------|------------------------|------------------------------|------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------|
|                          | <i>t</i>                            | <i>df</i> | <i>Sig. (2-tailed)</i> | <i>Mean Difference</i> | <i>Std. Error Difference</i> | 95% Confidence Intervals of the Difference<br><i>Lower</i> | 95% Confidence Intervals of the Difference<br><i>Upper</i> |
| Kedudukan dalam keluarga | 2.127                               | 98        | 0.036                  | 0.740                  | 0.3479                       | 0.0496                                                     | 1.4304                                                     |

Daripada keputusan analisa Ujian-T dalam Jadual 1.15 dan Jadual 1.16, terdapat perbezaan yang signifikan antara kedudukan pelajar dalam ahli keluarga dengan tahap bayaran balik pinjaman pendidikan dimana nilai  $t = 2.127$  signifikan pada  $p = 0.036$  ( $p < 0.05$ ). Oleh itu, kedudukan pelajar dalam keluarga mempengaruhi pembayaran balik pinjaman seterusnya menjadi salah satu faktor penyumbang kepada masalah pembayaran pinjaman di kalangan penerima-penerima pinjaman pendidikan MARA. Walaubagaimanapun, hubungan antara faktor kedudukan pelajar dalam ahli keluarga dengan tahap bayaran pinjaman agak lemah iaitu tahap signifikan pada aras *Sig. 0.036*. Ini menunjukkan bahawa faktor kedudukan pelajar turut menyumbang kepada masalah bayaran balik pinjaman tetapi tidak begitu kuat tahap signifikannya berbanding faktor pendapatan ibubapa dalam H(1) dan kategori penjamin dalam H (2).

#### 4.10 Hipotesis 7 (H7)

##### Faktor Gender mempengaruhi masalah bayaran balik pinjaman pendidikan

Kajian yang dibuat terhadap 100 sampel pinjaman pendidikan MARA yang dikategorikan sebagai pinjaman bermasalah dan tidak bermasalah menunjukkan 53% atau 53 orang pelajar yang membuat pinjaman adalah wanita, manakala bakinya 47% atau 47 orang pelajar adalah lelaki.

Jadual 1.17 : Keputusan *T-Test for Group Statistics*

|        | Status bayaran | N  | Mean | Std. Deviation | Std. Error Mean |
|--------|----------------|----|------|----------------|-----------------|
| Gender | Tidak Membayar | 50 | 0.62 | 0.490          | 0.069           |
|        | Pembayar Aktif | 50 | 0.32 | 0.471          | 0.067           |

Jadual 1.18 : Keputusan *T-Test for Independent Samples Test*

| T-Test For Equality of Means |       |    |                 |                 |                       |                                                              |                                                     |
|------------------------------|-------|----|-----------------|-----------------|-----------------------|--------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------|
|                              | t     | df | Sig. (2-tailed) | Mean Difference | Std. Error Difference | 95% Confidence Intervals of the Difference<br>Lower<br>Upper | 95% Confidence Intervals of the Difference<br>Upper |
| Gender                       | 3.119 | 98 | 0.002           | 0.30            | 0.096                 | 0.109                                                        | 0.491                                               |

Daripada keputusan analisa Ujian-T dalam Jadual 1.17 dan Jadual 1.18, terdapat perbezaan yang signifikan antara gender pelajar dengan tahap bayaran balik pinjaman pendidikan dimana nilai  $t = 3.119$  adalah signifikan pada  $p < 0.05$ .

Manakala melalui ujian Perbandingan Min (*Means Comparasion*), nilai perbezaan Min antara pembayar tidak aktif dengan pembayar aktif ialah pada tahap 0.30, ini menunjukkan bahawa pelajar wanita lebih cenderung untuk membayar pinjaman mereka berbanding pelajar lelaki.

Keputusan kajian ini adalah selari dengan keputusan kajian lepas oleh Schwartz, S., dan Finnie, R., (1998)<sup>51</sup> yang mengatakan bahawa wanita lebih cenderung dan lebih cepat menyelesaikan pinjaman berbanding lelaki. Hasil kajian ini juga signifikan dengan kajian oleh Barber dan Odean., (1995)<sup>52</sup> yang mendapati wanita mempunyai sikap yang berbeza terhadap wang dan pelaburan berbanding lelaki. Hasil kajian ini juga mempunyai signifikan dengan *gender character* wanita yang lebih suka mengelak kepada risiko, Barskey et al., (1996), Bruce & Johnson., (1994), dan Jianakoplos & Barnesak., (1998).

Sebagai kesimpulannya, selaras dengan keputusan ujian Hipotesis 7 (H7) iaitu  $p < 0.05$ , faktor gender boleh mempengaruhi masalah pembayaran balik pinjaman pendidikan anjuran MARA.

---

<sup>51</sup> Student loans in Canada : an analysis of borrowing and repayment, *Economics of Education Review*, Vol. 21, 2002, hlm. 497- 512.

<sup>52</sup> *International Journal of Bank Marketing*, Vol. 20 No. 1, hlm. 17-26.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Implikasi dan Cadangan

Dalam kertas kajian ini penulis telah membuat analisa terhadap faktor-faktor yang difikirkan menyumbang kepada masalah bayaran balik pinjaman pendidikan anjuran MARA. Dalam kajian ini penulis memfokus kepada beberapa faktor utama melalui tujuh hipotesis. Bagi mencapai objektif kajian ini penulis menggunakan *database* Sistem Pelajar bagi penerima pinjaman pendidikan pada tahun 1999 yang diperolehi daripada Sistem Maklumat Berkomputer MARA.

Hasil kajian terhadap tujuh faktor yang dikaji iaitu pendapatan ibubapa, kategori penjamin, bidang pengajian, jumlah pinjaman, tempoh pinjaman, kedudukan peminjam dalam keluarga dan faktor gender, penulis mendapati bahawa terdapat empat daripada tujuh faktor yang signifikan menyumbang kepada masalah bayaran balik pinjaman pendidikan yang disediakan oleh pihak MARA iaitu pendapatan ibubapa, kategori penjamin, kedudukan dalam keluarga dan faktor gender. Manakala tiga faktor lain yang dikaji iaitu bidang pengajian, jumlah pinjaman dan tempoh pinjaman didapati tidak signifikan ( $p > 0.05$ ).

Dalam Hipotesis1 (H1); iaitu dari segi pendapatan ibubapa, hasil kajian penulis mendapati bahawa faktor ini adalah amat signifikan iaitu pada aras 99% ( $p = 0.000$ ) dengan masalah bayaran balik pinjaman dimana pelajar-pelajar yang membuat pinjaman daripada kalangan ibubapa yang berpendapatan rendah didapati lebih bermasalah dalam pembayaran pinjaman mereka berbanding pelajar yang datang daripada ibubapa yang berpendapatan tinggi berdasarkan hasil ujian-T yang dilakukan (rujuk jadual 1.5). Daripada 100 sampel daripada *database* yang dikaji 70% daripada mereka adalah daripada keluarga yang berpendapatan rendah antara RM200 hingga RM1,900 sebulan. Bagaimanapun ini tidaklah menghairankan kerana keutamaan pinjaman pendidikan adalah untuk membantu pelajar yang datang daripada keluarga yang kurang berkemampuan dari segi kewangan dan apabila sudah bekerja mereka bertanggungjawab pula untuk membantu keluarga.

Memandangkan pinjaman pendidikan anjuran MARA lebih kepada khidmat sosial berbanding dengan agensi kewangan yang lain seperti perkhidmatan bank, MARA mungkin tidak akan mengubah dasar yang mengutamakan golongan berpendapatan rendah sebagai sasaran penerima pinjaman pendidikan di masa akan datang. Namun demikian penulis mencadangkan, disamping MARA meneruskan dasar untuk memberi keutamaan pinjaman pendidikan kepada golongan ini, pada masa yang sama MARA juga perlu memastikan bahawa bakal-bakal penerima pinjaman tersebut mestilah berkualiti dan tidak miskin dari segi sikap, perwatakan, *low credit character* dan mereka perlu mempunyai sikap kesungguhan untuk membayar balik pinjaman yang diperolehi selain memiliki kelayakan akademik yang cemerlang.

Hipotesis 2 (H2); iaitu dari segi faktor kategori penjamin, berdasarkan keputusan ujian Perbandingan Min dan Ujian-T yang dilakukan (rujuk jadual 1.6 &

1.7), penulis mendapati bahawa secara keseluruhannya pinjaman pendidikan yang dijamin oleh ahli keluarga sendiri adalah lebih bermasalah dalam pembayaran balik pinjaman berbanding dengan pinjaman yang dijamin oleh orang yang berada di luar lingkungan ahli keluarga. Mengikut syarat pinjaman pendidikan sediada, MARA membenarkan ibubapa sebagai penjamin pertama dan juga membenarkan ahli keluarga yang lain seperti abang atau kakak kepada pelajar berkenaan sebagai penjamin kedua.

Memandangkan faktor penjamin adalah faktor yang telah dikenalpasti menyumbang kepada masalah bayaran balik pinjaman pendidikan MARA iaitu signifikan pada aras 95% (dimana  $p = 0.016$ ), penulis mencadangkan supaya pihak MARA dapat meminda syarat kebenaran penjamin tersebut iaitu sekurang-kurangnya bagi kuota penjamin yang kedua, pihak MARA tidak lagi membenarkan ahli keluarga pelajar menjadi penjamin dan pihak MARA juga perlu menggalakkan supaya kedua-dua penjamin seboleh-bolehnya bukan dikalangan ahli keluarga.

Hipotesis 3 (H3); iaitu dari segi bidang pengajian, penulis mendapati bahawa ianya bukan faktor yang menyumbang kepada masalah pembayaran balik pinjaman pendidikan berbanding dengan faktor-faktor yang lain. Ujian terhadap hipotesis yang menggunakan kaedah ujian-T membuktikan bidang pengajian tidak signifikan ( $p > 0.005$ ) dengan tahap pembayaran balik pinjaman di kalangan peminjam pendidikan MARA. Walaubagaimanapun, penulis mengesyorkan supaya pihak MARA mengkaji dari semasa ke semasa tentang program yang ditaja dan sentiasa mengutamakan tajaan terhadap bidang-bidang yang relevan dengan permintaan pasaran pekerjaan dan industri serta bidang-bidang yang dianggap kritikal untuk keperluan pembangunan negara.

Hipotesis 4 (H4); dari segi jumlah atau saiz pinjaman, berdasarkan analisa terhadap *database* peminjam MARA menggunakan kaedah Perbandingan Min dan

Ujian-T (*T-Test*) didapati  $p > 0.05$  ; iaitu tidak signifikan, oleh itu penulis membuat kesimpulan bahawa jumlah pinjaman bukanlah penyebab kepada masalah pembayaran balik pinjaman pendidikan MARA. Ini disebabkan pihak MARA menyediakan pinjaman pendidikan berkonsepkan pinjaman bolehubah atau *Convertible Loan* yang mana *size does not matter* selagi mereka mendapat keputusan yang cemerlang, mereka layak memohon pengurangan (*reduction*) bayaran balik daripada 50% hingga 90% iaitu tertakluk kepada keputusan CGPA masing-masing dan dasar semasa pihak MARA.

Hipotesis 5 (H5); dari segi tempoh pinjaman, berdasarkan hasil kajian penulis menggunakan kaedah Ujian-T (*T-Test*) dan Ujian Frekuensi, didapati tempoh pinjaman adalah tidak signifikan (dimana  $p > 0.05$ ) dengan tahap bayaran balik pinjaman pendidikan MARA. Oleh itu penulis membuat kesimpulan bahawa tempoh pinjaman tidak menjadi faktor yang menyumbang kepada masalah pembayaran balik pinjaman pendidikan di kalangan penerima-penerima pinjaman MARA. Ini adalah disebabkan pihak MARA menyediakan tempoh pinjaman yang fleksibel kepada para peminjam, dimana mereka boleh berunding dengan pihak MARA untuk melanjutkan tempoh pinjaman berdasarkan sebab-sebab yang munasabah. Oleh kerana MARA bukan agensi yang menjana keuntungan, pihak MARA tidak begitu bertegas dalam soal tempoh pinjaman pendidikan kerana apa yang lebih penting ialah peminjam perlu konsisten dalam pembayaran mereka.

Hipotesis 6 (H6); dari segi kedudukan pelajar dalam keluarga, penulis mendapati bahawa kedudukan pelajar dalam lingkungan adik-beradik adalah faktor signifikan yang menyumbang kepada masalah bayaran balik pinjaman pendidikan MARA tetapi pada tahap yang agak lemah berasaskan  $p = 0.036$  iaitu signifikan pada aras 95%. Selain itu, melalui peratus perbandingan 100 sampel yang dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu 50 sampel peminjam yang aktif membayar

dan 50 sampel peminjam yang tidak aktif atau tidak pernah membuat bayaran. Daripada 50 sampel peminjam yang tidak membayar, didapati 36% peminjam yang tidak membayar pinjaman adalah terdiri daripada anak yang ketiga dalam ahli keluarga. Ini mungkin disebabkan anak ketiga adalah berada di zon yang selesa kerana mempunyai abang-abang atau kakak yang dapat membantu jika berhadapan dengan sebarang masalah atau memiliki sifat *low credit character* sebagaimana yang dinyatakan oleh Josef Eby Ruin., (2001). Oleh itu penulis ingin mencadangkan supaya pihak MARA lebih menumpukan perhatian kepada *character* pelajar yang ingin memohon pinjaman pendidikan dengan mengadakan temuduga kepada semua pemohon sebagaimana yang dilaksanakan kepada calon-calon biasiswa MARA ke luar negara atau sekurang-kurangnya melaksanakan *Competency Test* kepada setiap pemohon seperti pihak MARA aplikasikan kepada calon-calon yang bakal mengikuti kursus intensif Latihan Pembangunan Usahawan (LPU) yang mana terbukti dapat mengenalpasti sekurang-kurangnya 65% kecenderungan calon dari segi perwatakan, keazaman, persepsi dan nilai yang ada pada mereka sebelum dipilih mengikuti program tersebut.

Hipotesis 7 (H7); dari segi faktor gender, penulis mendapati bahawa gender peminjam adalah signifikan terhadap tahap pembayaran pinjaman pendidikan anjuran MARA. Tahap signifikan dengan kadar bayaran balik pinjaman pendidikan adalah pada aras 95% (dimana  $p = 0.02$ ). Adalah didapati bahawa peratus peminjam wanita yang membayar pinjaman adalah lebih tinggi berbanding dengan peratus peminjam lelaki. Ini ada hubungan dengan perwatakan atau *character* wanita yang berusaha untuk mengelak daripada mengambil risiko yang datang kemudian. Ini selaras dengan kajian Graham .F *et al.*, (2002) yang mendapati wanita lebih suka mengelak kepada risiko berbanding golongan lelaki apabila

mereka membuat sesuatu pelaburan. Hasil kajian beliau disokong oleh kajian Bruce dan Johnson., (1994), Barber dan Odean., (1995) dan Barskey *et al.*, (1996) yang mengatakan bahawa wanita lebih suka mengelak untuk menghadapi risiko (*risk aversion*) berbanding golongan lelaki.

## 5.2 Kelemahan-Kelemahan Kajian dan Cadangan

Walaupun keputusan hasil kajian penulis mendapati hanya empat faktor daripada tujuh faktor utama yang dikaji mempengaruhi masalah pembayaran semula pinjaman pendidikan MARA, namun sebenarnya terdapat beberapa kelemahan dalam kajian ini yang mungkin menyebabkan keputusan hasil daripada kajian yang dibuat kurang mantap berbanding sekiranya kajian dibuat secara menyeluruh. Di antara kelemahan-kelemahan itu ialah pertama, *database* yang diambil hanya 100 sampel peminjam dan penulis juga tidak mempunyai *acces data* yang secukupnya untuk mengacces dan menganalisa corak bayaran peminjam mengikut tempoh pinjaman menyebabkan faktor tempoh pinjaman yang dikaji mungkin tidak begitu tepat. Kedua penulis banyak bergantung kepada maklumat yang terdapat dalam *database* sahaja dan tiada temubual dibuat kepada peminjam-peminjam yang berkenaan untuk mengenalpasti masalah mereka dengan lebih dekat lagi.

Walaupun kajian ini telah memberi banyak pengetahuan kepada penulis berdasarkan analisa yang dilakukan terhadap faktor-faktor yang dianggap menjadi penyebab kepada masalah pembayaran balik pinjaman dalam konteks pinjaman pendidikan anjuran MARA, namun beberapa aspek yang penulis rasa perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak yang akan membuat kajian dalam topik yang serupa di masa hadapan ialah dengan menjejaki sejumlah tertentu peminjam dan menemubual sendiri individu yang aktif membayar pinjaman dan juga kepada

individu yang bermasalah dalam pembayaran pinjaman selain daripada mengkaji *database* dengan saiz sampel yang lebih besar.

### 5.3 Kata-Kata Penutup

Secara keseluruhannya faktor *character* seseorang pemohon adalah penting dalam menilai sesuatu permohonan pinjaman samada dalam bentuk pinjaman perniagaan ataupun pinjaman dalam bentuk khidmat sosial seperti pinjaman pendidikan. Analisa penulis mendapati, walaupun 4 faktor yang dikaji iaitu pendapatan ibubapa, kategori penjamin, kedudukan peminjam dalam keluarga dan gender adalah dikenalpasti sebagai faktor-faktor penyumbang kepada masalah pembayaran semula pinjaman pendidikan khususnya pinjaman pendidikan MARA tetapi jika diamati ianya berbalik kepada punca yang sebenar iaitu *character* ataupun sikap dan perwatakan individu itu sendiri.

Kajian penulis mendapati pelajar yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah lebih lebih tinggi peratusnya bermasalah untuk membayar semula pinjaman pendidikan, ini mungkin disebabkan mereka yang sudah bekerja selepas menamatkan pengajian terpaksa membantu keluarga dan adik-beradik lain yang masih bersekolah selain membeli keperluan untuk diri-sendiri tetapi sekiranya mereka mempunyai sikap atau *credit character* yang positif iaitu kemahuan atau kesungguhan untuk membayar semula segala pinjaman, masalah yang dihadapi dalam pembayaran tidak akan berlaku.

Faktor penyumbang kedua dalam masalah pembayaran ialah pelajar yang dijamin oleh ahli keluarga sendiri lebih bermasalah dalam pembayaran pinjaman, ini menunjukkan pelajar atau peminjam berkenaan sekiranya tidak ada *pusher* atau tolakan yang kuat daripada pihak penjamin yang luar daripada ahli keluarga masalah bayaran pinjaman yang tertunggak seolah-olah tidak menjadi masalah

atau bebanan kepada peminjam. Ini juga ada kaitannya dengan sikap atau *character* individu itu sendiri.

Faktor penyumbang ketiga kepada masalah pembayaran semula pinjaman pendidikan MARA ialah kedudukan pelajar atau peminjam diantara anak sulung, anak kedua, ketiga dan seterusnya dengan anak bongsu dalam keluarga boleh mempengaruhi masalah bayaran pinjaman. Hasil kajian ini menggambarkan bahawa anak yang berada di kedudukan anak yang kedua dan ke bawah dalam adik-beradik berisiko untuk mengelak daripada membayar pinjaman mereka khususnya dalam konteks pinjaman pendidikan kerana mereka berada di zon selesa serta memiliki tahap toleransi yang lebih tinggi terhadap risiko berbanding dengan anak yang sulung. Ini bermakna faktor *character* masih dominan dalam masalah pembayaran pinjaman.

Faktor seterusnya, iaitu faktor keempat yang menyumbang kepada masalah bayaran semula pinjaman pendidikan ialah faktor gender atau lebih tepat lagi *gender character*, dimana pelajar atau peminjam lelaki didapati lebih bermasalah dalam pembayaran pinjaman berbanding peminjam wanita. Ini boleh dikaitkan dengan hasil kajian-kajian terdahulu yang mendapati sifat golongan lelaki yang tidak takut kepada risiko berbanding golongan wanita, berdasarkan sifat tersebut peminjam lelaki nampaknya tidak begitu bimbang kepada risiko yang akan berlaku di masa hadapan seperti risiko disenarai hitamkan oleh pihak yang menaja mereka, agensi-agensi kewangan atau risiko akan diambil tindakan mahkamah dan sebagainya. Ini berbeza dengan sikap atau *character* peminjam wanita yang sedaya upaya cuba mengelak daripada berhadapan dengan risiko-risiko yang merugikan seperti di atas.

## Bibliografi

1. Adrian, Ziderman, 2002. Financing students loans in Thailand: revolving fund or open-ended commitment ?, *Economics of Education Review*. **21**: 367- 380.
2. Austin, M.J., & Philips, M. R.,2001. Educating students: an ethics responsibility of credit card companies, *Journal of Services Marketing*. **15**(7): 516-528.
3. Baum, S.,& Schwarthz, S., 1998. The impact of students loans on borrowers: Consumption patterns and attitudes toward repayment, Mimeo, Boston: Tufts University.
4. Berita Harian. 2006. Jangan bertolak ansur dengan bekas pelajar tak bayar pinjaman. Rencana. *Berita Harian*, 16 Mac:10.
5. Berita Mingguan, 2006. Siaran Akhbar Senarai Bil: 3/2006 : 120 Pelajar Tajaan MARA Yang Gagal Membuat Bayaran, *Berita Mingguan*, 20 Mac.
6. *Buku Tahunan Perangkaan Sabah Tahun 2005*, Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah.
7. *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia Tahun 2002*, Jabatan Perangkaan Malaysia.
8. Costas Christou & Michael Haliassos, 2002. How do students finance human capital accumulation? The choice between borrowing and work, *Journal of Policy Modelling*. **28**: 39-51.
9. Chua Yan Piaw, 2006. *Kaedah Penyelidikan, Buku 1*, Kuala Lumpur : McGraw Hill (Malaysia), Sdn. Bhd.
10. Chua Yan Piaw, 2006. *Asas Statistik Penyelidikan, Buku 2*, Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia), Sdn. Bhd.
11. Gabriel Jimenez, Vicente Salas, & Jesus Saurina.,2003. Determinants of collateral, *Journal of Financial Economics*.
12. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Malaysia. <http://www.ptptn.gov.my/> Dicitak 16 Mac 2006.
13. I. Hendel., J. Shapiro & P.Wallen., 2005. Educational opportunity and income inequality, *Journal of Public Economics*. **89**: 841- 870.
14. Jabatan Pengajian Swasta, Kementerian Pengajian Tinggi Tahun 2005.
15. Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia. <http://www.jpa.gov.my/system/loan-1.htm>. Dicitak 16 Mac 2006.

16. Judy F. Graham *et al.*, 2002. Gender differences in investment strategies : an information processing perspective, *International Journal of Bank Marketing*. **20** (1): 17-26.
17. Josef Eby Ruin, 2001. *Managing Service, Finance, Credit and Debts*, Kuala Lumpur: Leeds Publications.
18. Josef Eby Ruin, 2006. *Guide To Effective Management of Business Organisations*, Kuala Lumpur: Leeds Publications.
19. Kenneth Carlin., Tor Jacobson & Kasper Roszbach., 2001. Dormancy risk and expected profits of consumer loan, *Journal of Banking & Finance*. **25**: 717-739.
20. Dynarski, M., 2002. Who defaults on student loan?. Finding from the National Postsecondary Student Aid Study, *Economics of Education Review*. **13**(1):55–68.
21. Majlis Amanah Rakyat, Bahagian Penganjuran Pelajaran. <http://www.mara.gov.my/bpp>. Dicetak 16 Mac 2006.
22. Majlis Amanah Rakyat, Bahagian Kawalan Kredit. <http://www.mara.gov.my/bkk> Dicetak 16 Mac 2006.
23. Mohd. Zahedi Daud & Ismail Ibrahim, 2004. *Panduan Penulisan Ilmiah Gaya UMS*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
24. Morgan, Richard., 2002. Reports on the increase in default rate on students loans in the U.S in the 2000 fiscal year, *Chronicle of Higher Education*. **49**: Issue 4.
25. New Straits Times. 2006. 200 study loan defaulters to be hauled up. *New Straits Times*, 19 Januari: 2.
26. Peter S. Rose & Sylvia C.Hudgins, 2005. *Bank Management & Financial Services*, New York: McGraw Hill International Edition. **6**: 533.
27. Prospektus 2004, *Peluang Pendidikan, Latihan Dan Kerjaya Selepas SPM/STPM*, Kuala Lumpur: Persatuan Warga Cinta Negara Malaysia(PENCINTA).
28. Richard Holmes, Hazariah Mohammad Dahan, Habibah Ashari, 2005. *A Guide To Research in the Social Sciences*, Prentice Hall, Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
29. Sarban Singh. 2006. JPA batal diskaun bayaran. *Berita Harian*, 15 Mac: 1.
30. Shahril @ Charil Marzuki, 2005. *Mengurus dan Membiayai Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn. Bhd.
31. Shamsudin Ismail, 2003. *Pengurusan Bank Perdagangan di Malaysia, Jilid 1*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

32. Shamsudin Ismail, 2003. *Pengurusan Bank Perdagangan di Malaysia, Jilid 2*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
33. Schwartz, S., & Finnie, R., 2002. Student loans in Canada : an analysis of borrowing and repayment, *Economics of Education Review*. **21**: 497-512.
34. Sistem Maklumat Berkomputer MARA, 1997-2001. Kuala Lumpur.
35. Tan Juan Hong, 2005. *Statistic Techniques In Business Research : A Practical Approach*, Prentice Hall, Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
36. Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan Malaysia.  
<http://www.epu.my/rm9/html/peruntukan.htm>. Dicitak 16 Mac 2006.
37. Utusan Borneo, 2006. Notis Tuntutan Pinjaman Pelajaran MARA (Bil: 46/06/06), *Utusan Borneo*, 29 Jun:11.

Hak Milik MARA

# LAMPIRAN

Hak Milik MARA

## Raw Data-SPSS

|    | income | penjamin | kursus | saiz | tempoh | position | gender | status |
|----|--------|----------|--------|------|--------|----------|--------|--------|
| 1  | 35.0   | 1        | 4.0    | 5.0  | 3.0    | 2.0      | 0      | 1.0    |
| 2  | 32.0   | 0        | 3.0    | 3.0  | 3.0    | 1.0      | 0      | 1.0    |
| 3  | 19.0   | 1        | 4.0    | 5.0  | 4.0    | 1.0      | 0      | 1.0    |
| 4  | 5.0    | 0        | 3.0    | 3.0  | 3.0    | 3.0      | 1      | 1.0    |
| 5  | 38.0   | 0        | 4.0    | 5.0  | 2.0    | 1.0      | 0      | 1.0    |
| 6  | 21.0   | 1        | 6.0    | 3.0  | 3.0    | 3.0      | 0      | 1.0    |
| 7  | 5.0    | 1        | 6.0    | 3.0  | 3.0    | 2.0      | 0      | 1.0    |
| 8  | 15.0   | 1        | 6.0    | 3.0  | 3.0    | 1.0      | 0      | 1.0    |
| 9  | 22.0   | 1        | 4.0    | 5.0  | 4.0    | 1.0      | 1      | 1.0    |
| 10 | 30.0   | 0        | 4.0    | 3.0  | 3.0    | 4.0      | 0      | 1.0    |
| 11 | 13.0   | 1        | 4.0    | 5.0  | 4.0    | 4.0      | 0      | 1.0    |
| 12 | 35.0   | 0        | 3.0    | 5.0  | 4.0    | 5.0      | 0      | 1.0    |
| 13 | 28.0   | 1        | 3.0    | 5.0  | 4.0    | 1.0      | 0      | 1.0    |
| 14 | 34.0   | 1        | 3.0    | 5.0  | 4.0    | 5.0      | 0      | 1.0    |
| 15 | 5.0    | 0        | 3.0    | 4.0  | 3.0    | 5.0      | 0      | 1.0    |
| 16 | 29.0   | 0        | 1.0    | 7.0  | 5.0    | 1.0      | 0      | 1.0    |
| 17 | 4.0    | 0        | 3.0    | 5.0  | 4.0    | 4.0      | 1      | 1.0    |
| 18 | 18.0   | 0        | 1.0    | 7.0  | 5.0    | 4.0      | 1      | 1.0    |
| 19 | 28.0   | 0        | 1.0    | 7.0  | 5.0    | 1.0      | 1      | 1.0    |
| 20 | 35.0   | 1        | 4.0    | 3.0  | 3.0    | 1.0      | 1      | 1.0    |
| 21 | 31.0   | 1        | 3.0    | 5.0  | 4.0    | 2.0      | 0      | 1.0    |
| 22 | 34.0   | 0        | 4.0    | 3.0  | 3.0    | 3.0      | 0      | 1.0    |
| 23 | 30.0   | 0        | 3.0    | 5.0  | 4.0    | 2.0      | 0      | 1.0    |
| 24 | 19.0   | 0        | 3.0    | 4.0  | 3.0    | 1.0      | 0      | 1.0    |
| 25 | 21.0   | 1        | 1.0    | 7.0  | 5.0    | 1.0      | 0      | 1.0    |
| 26 | 27.0   | 0        | 3.0    | 4.0  | 3.0    | 4.0      | 0      | 1.0    |
| 27 | 30.0   | 0        | 1.0    | 7.0  | 5.0    | 2.0      | 1      | 1.0    |
| 28 | 28.0   | 0        | 3.0    | 4.0  | 3.0    | 10.0     | 0      | 1.0    |
| 29 | 19.0   | 1        | 1.0    | 7.0  | 5.0    | 4.0      | 1      | 1.0    |
| 30 | 13.0   | 0        | 6.0    | 2.0  | 3.0    | 2.0      | 0      | 1.0    |
| 31 | 27.0   | 0        | 3.0    | 4.0  | 3.0    | 4.0      | 0      | 1.0    |
| 32 | 15.0   | 0        | 3.0    | 5.0  | 4.0    | 1.0      | 0      | 1.0    |
| 33 | 30.0   | 0        | 4.0    | 3.0  | 4.0    | 1.0      | 1      | 1.0    |
| 34 | 5.0    | 1        | 4.0    | 5.0  | 4.0    | 2.0      | 1      | 1.0    |
| 35 | 17.0   | 0        | 3.0    | 4.0  | 3.0    | 4.0      | 0      | 1.0    |
| 36 | 6.0    | 0        | 3.0    | 3.0  | 3.0    | 1.0      | 0      | 1.0    |
| 37 | 38.0   | 0        | 4.0    | 3.0  | 3.0    | 3.0      | 1      | 1.0    |
| 38 | 5.0    | 1        | 3.0    | 5.0  | 4.0    | 2.0      | 0      | 1.0    |
| 39 | 25.0   | 0        | 6.0    | 3.0  | 3.0    | 1.0      | 0      | 1.0    |
| 40 | 7.0    | 0        | 6.0    | 3.0  | 3.0    | 5.0      | 0      | 1.0    |
| 41 | 5.0    | 1        | 3.0    | 5.0  | 3.0    | 2.0      | 1      | 1.0    |
| 42 | 30.0   | 1        | 4.0    | 3.0  | 3.0    | 3.0      | 1      | 1.0    |
| 43 | 30.0   | 0        | 4.0    | 3.0  | 3.0    | 5.0      | 0      | 1.0    |

## Raw Data-SPSS

|    | income | penjamin | kursus | saiz | tempoh | position | gender | status |
|----|--------|----------|--------|------|--------|----------|--------|--------|
| 44 | 26.0   | 1        | 3.0    | 5.0  | 4.0    | 3.0      | 0      | 1.0    |
| 45 | 5.0    | 0        | 1.0    | 6.0  | 5.0    | 1.0      | 1      | 1.0    |
| 46 | 30.0   | 0        | 1.0    | 6.0  | 5.0    | 5.0      | 0      | 1.0    |
| 47 | 3.0    | 1        | 4.0    | 3.0  | 3.0    | 1.0      | 1      | 1.0    |
| 48 | 38.0   | 0        | 1.0    | 7.0  | 5.0    | 5.0      | 1      | 1.0    |
| 49 | 29.0   | 1        | 3.0    | 5.0  | 3.0    | 1.0      | 0      | 1.0    |
| 50 | 40.0   | 0        | 1.0    | 7.0  | 5.0    | 5.0      | 0      | 1.0    |
| 51 | 21.0   | 1        | 4.0    | 3.0  | 2.0    | 3.0      | 1      | .0     |
| 52 | 35.0   | 1        | 4.0    | 3.0  | 2.0    | 4.0      | 1      | .0     |
| 53 | 2.0    | 1        | 5.0    | 3.0  | 2.0    | 3.0      | 1      | .0     |
| 54 | 10.0   | 0        | 5.0    | 3.0  | 2.0    | 3.0      | 1      | .0     |
| 55 | 3.0    | 0        | 4.0    | 3.0  | 2.0    | 3.0      | 0      | .0     |
| 56 | 4.0    | 1        | 4.0    | 3.0  | 2.0    | 4.0      | 0      | .0     |
| 57 | 30.0   | 1        | 1.0    | 6.0  | 5.0    | 3.0      | 1      | .0     |
| 58 | 5.0    | 1        | 1.0    | 6.0  | 5.0    | 3.0      | 1      | .0     |
| 59 | 7.0    | 0        | 4.0    | 3.0  | 3.0    | 3.0      | 1      | .0     |
| 60 | 5.0    | 1        | 4.0    | 5.0  | 3.0    | 4.0      | 1      | .0     |
| 61 | 7.0    | 0        | 5.0    | 4.0  | 4.0    | 3.0      | 1      | .0     |
| 62 | 4.0    | 1        | 3.0    | 5.0  | 4.0    | 4.0      | 0      | .0     |
| 63 | 13.0   | 1        | 5.0    | 3.0  | 3.0    | 10.0     | 0      | .0     |
| 64 | 2.0    | 0        | 4.0    | 3.0  | 3.0    | 3.0      | 0      | .0     |
| 65 | 4.0    | 0        | 4.0    | 3.0  | 3.0    | 2.0      | 1      | .0     |
| 66 | 14.0   | 0        | 4.0    | 5.0  | 4.0    | 7.0      | 0      | .0     |
| 67 | 5.0    | 0        | 1.0    | 6.0  | 5.0    | 2.0      | 1      | .0     |
| 68 | 19.0   | 0        | 5.0    | 3.0  | 3.0    | 2.0      | 0      | .0     |
| 69 | 5.0    | 1        | 3.0    | 5.0  | 5.0    | 6.0      | 1      | .0     |
| 70 | 2.0    | 1        | 4.0    | 5.0  | 5.0    | 5.0      | 1      | .0     |
| 71 | 1.0    | 0        | 4.0    | 5.0  | 5.0    | 3.0      | 0      | .0     |
| 72 | 3.0    | 1        | 4.0    | 5.0  | 5.0    | 2.0      | 1      | .0     |
| 73 | 16.0   | 1        | 4.0    | 3.0  | 4.0    | 5.0      | 1      | .0     |
| 74 | 6.0    | 1        | 5.0    | 3.0  | 4.0    | 4.0      | 0      | .0     |
| 75 | 5.0    | 1        | 5.0    | 3.0  | 4.0    | 4.0      | 1      | .0     |
| 76 | 5.0    | 1        | 1.0    | 7.0  | 5.0    | 3.0      | 0      | .0     |
| 77 | 6.0    | 1        | 4.0    | 3.0  | 4.0    | 3.0      | 0      | .0     |
| 78 | 2.0    | 0        | 4.0    | 3.0  | 4.0    | 4.0      | 0      | .0     |
| 79 | 1.0    | 0        | 1.0    | 6.0  | 5.0    | 1.0      | 1      | .0     |
| 80 | 5.0    | 1        | 3.0    | 5.0  | 5.0    | 3.0      | 1      | .0     |
| 81 | 7.0    | 1        | 5.0    | 3.0  | 4.0    | 5.0      | 0      | .0     |
| 82 | 5.0    | 0        | 1.0    | 7.0  | 5.0    | 2.0      | 1      | .0     |
| 83 | 15.0   | 0        | 1.0    | 6.0  | 5.0    | 1.0      | 1      | .0     |
| 84 | 5.0    | 0        | 5.0    | 3.0  | 4.0    | 5.0      | 1      | .0     |
| 85 | 5.0    | 1        | 4.0    | 5.0  | 5.0    | 3.0      | 0      | .0     |
| 86 | 2.0    | 0        | 4.0    | 5.0  | 5.0    | 2.0      | 1      | .0     |

|     | income | penjamin | kursus | saiz | tempoh | position | gender | status |
|-----|--------|----------|--------|------|--------|----------|--------|--------|
| 87  | 30.0   | 1        | 4.0    | 3.0  | 3.0    | 1.0      | 0      | .0     |
| 88  | 5.0    | 1        | 3.0    | 5.0  | 5.0    | 5.0      | 1      | .0     |
| 89  | 5.0    | 1        | 4.0    | 3.0  | 3.0    | 2.0      | 0      | .0     |
| 90  | 7.0    | 1        | 4.0    | 3.0  | 4.0    | 3.0      | 1      | .0     |
| 91  | 24.0   | 0        | 1.0    | 7.0  | 5.0    | 1.0      | 1      | .0     |
| 92  | 2.0    | 1        | 4.0    | 3.0  | 3.0    | 3.0      | 0      | .0     |
| 93  | 4.0    | 1        | 4.0    | 3.0  | 4.0    | 5.0      | 0      | .0     |
| 94  | 5.0    | 1        | 1.0    | 7.0  | 5.0    | 4.0      | 1      | .0     |
| 95  | 1.0    | 1        | 4.0    | 5.0  | 5.0    | 2.0      | 1      | .0     |
| 96  | 31.0   | 1        | 3.0    | 5.0  | 5.0    | 2.0      | 1      | .0     |
| 97  | 5.0    | 1        | 4.0    | 3.0  | 4.0    | 5.0      | 0      | .0     |
| 98  | 6.0    | 0        | 4.0    | 3.0  | 4.0    | 4.0      | 1      | .0     |
| 99  | 5.0    | 1        | 4.0    | 3.0  | 4.0    | 4.0      | 1      | .0     |
| 100 | 2.0    | 1        | 1.0    | 7.0  | 5.0    | 5.0      | 1      | .0     |

Hak Milik MARA

Raw Data-SPSS -

|   | Name     | Type    | Width | Decim | Label                    | Values                      | Missing | Columns |
|---|----------|---------|-------|-------|--------------------------|-----------------------------|---------|---------|
| 1 | income   | Numeric | 8     | 1     | Pendapatan Ibubapa       | {1.0, RM200}...             | None    | 6       |
| 2 | penjamin | Numeric | 8     | 0     | Kategori Penjamin        | {0, Bukan Ahli Keluarga}... | None    | 5       |
| 3 | kursus   | Numeric | 8     | 1     | Bidang Pengajian         | {1.0, Kejuruteraan}...      | None    | 5       |
| 4 | saiz     | Numeric | 8     | 1     | Jumlah Pinjaman          | {1.0, RM15,000}...          | None    | 5       |
| 5 | tempoh   | Numeric | 8     | 1     | Tempoh Pinjaman          | {1.0, 5 Tahun}...           | None    | 5       |
| 6 | position | Numeric | 8     | 1     | Kedudukan dalam keluarga | {1.0, Anak Sulong}...       | None    | 5       |
| 7 | gender   | Numeric | 8     | 0     | Gender                   | {0, Perempuan}...           | None    | 5       |
| 8 | status   | Numeric | 8     | 1     | Status bayaran           | {0, Tidak bayar}...         | None    | 5       |

# Frequencies

## Statistics

Pendapatan Bulanan Ibubapa

|   |         |     |
|---|---------|-----|
| N | Valid   | 100 |
|   | Missing | 0   |

## Pendapatan Bulanan Ibubapa

|       |         | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-------|---------|-----------|---------|---------------|--------------------|
| Valid | RM200   | 3         | 3.0     | 3.0           | 3.0                |
|       | RM250   | 7         | 7.0     | 7.0           | 10.0               |
|       | RM300   | 3         | 3.0     | 3.0           | 13.0               |
|       | RM350   | 5         | 5.0     | 5.0           | 18.0               |
|       | RM500   | 22        | 22.0    | 22.0          | 40.0               |
|       | RM700   | 4         | 4.0     | 4.0           | 44.0               |
|       | RM750   | 5         | 5.0     | 5.0           | 49.0               |
|       | RM1,000 | 1         | 1.0     | 1.0           | 50.0               |
|       | RM1,200 | 3         | 3.0     | 3.0           | 53.0               |
|       | RM1,250 | 1         | 1.0     | 1.0           | 54.0               |
|       | RM1,300 | 3         | 3.0     | 3.0           | 57.0               |
|       | RM1,200 | 1         | 1.0     | 1.0           | 58.0               |
|       | RM1,250 | 1         | 1.0     | 1.0           | 59.0               |
|       | RM1,300 | 1         | 1.0     | 1.0           | 60.0               |
|       | RM1,500 | 4         | 4.0     | 4.0           | 64.0               |
|       | RM1,600 | 3         | 3.0     | 3.0           | 67.0               |
|       | RM1,650 | 1         | 1.0     | 1.0           | 68.0               |
|       | RM1,800 | 1         | 1.0     | 1.0           | 69.0               |
|       | RM1,900 | 1         | 1.0     | 1.0           | 70.0               |
|       | RM2,000 | 1         | 1.0     | 1.0           | 71.0               |
|       | RM2,100 | 2         | 2.0     | 2.0           | 73.0               |
|       | RM2,200 | 3         | 3.0     | 3.0           | 76.0               |
|       | RM2,300 | 2         | 2.0     | 2.0           | 78.0               |
|       | RM2,500 | 9         | 9.0     | 9.0           | 87.0               |
|       | RM2,700 | 2         | 2.0     | 2.0           | 89.0               |
|       | RM2,800 | 1         | 1.0     | 1.0           | 90.0               |
|       | RM3,000 | 2         | 2.0     | 2.0           | 92.0               |
|       | RM3,500 | 4         | 4.0     | 4.0           | 96.0               |
|       | RM3,900 | 3         | 3.0     | 3.0           | 99.0               |
|       | RM4,300 | 1         | 1.0     | 1.0           | 100.0              |
|       | Total   | 100       | 100.0   | 100.0         |                    |

# Frequencies

## Statistics

|   |         | Bidang Pengajian | Jumlah Pinjaman | Tempoh Pinjaman | Kedudukan dalam keluarga |
|---|---------|------------------|-----------------|-----------------|--------------------------|
| N | Valid   | 100              | 100             | 100             | 100                      |
|   | Missing | 0                | 0               | 0               | 0                        |

## Frequency Table

### Bidang Pengajian

|       |                                     | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-------|-------------------------------------|-----------|---------|---------------|--------------------|
| Valid | Kejuruteraan                        | 20        | 20.0    | 20.0          | 20.0               |
|       | Pengurusan & Perakaunan             | 25        | 25.0    | 25.0          | 45.0               |
|       | Teknologi Maklumat & Sains Komputer | 40        | 40.0    | 40.0          | 85.0               |
|       | Sains Sosial                        | 9         | 9.0     | 9.0           | 94.0               |
|       | Pengajian Agama                     | 6         | 6.0     | 6.0           | 100.0              |
|       | Total                               | 100       | 100.0   | 100.0         |                    |

### Jumlah Pinjaman

|       |          | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-------|----------|-----------|---------|---------------|--------------------|
| Valid | RM18,000 | 1         | 1.0     | 1.0           | 1.0                |
|       | RM22,000 | 42        | 42.0    | 42.0          | 43.0               |
|       | RM23,000 | 7         | 7.0     | 7.0           | 50.0               |
|       | RM25,000 | 30        | 30.0    | 30.0          | 80.0               |
|       | RM30,000 | 7         | 7.0     | 7.0           | 87.0               |
|       | RM33,000 | 13        | 13.0    | 13.0          | 100.0              |
|       | Total    | 100       | 100.0   | 100.0         |                    |

### Tempoh Pinjaman

|       |          | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-------|----------|-----------|---------|---------------|--------------------|
| Valid | 5 Tahun  | 11        | 11.0    | 11.0          | 11.0               |
|       | 10 tahun | 19        | 19.0    | 19.0          | 30.0               |
|       | 15 tahun | 50        | 50.0    | 50.0          | 80.0               |
|       | 20 Tahun | 15        | 15.0    | 15.0          | 95.0               |
|       | 17.0     | 4         | 4.0     | 4.0           | 99.0               |
|       | 18.0     | 1         | 1.0     | 1.0           | 100.0              |
|       | Total    | 100       | 100.0   | 100.0         |                    |

# Kedudukan dalam keluarga

|       |              | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-------|--------------|-----------|---------|---------------|--------------------|
| Valid | Anak Sulong  | 7         | 7.0     | 7.0           | 7.0                |
|       | Anak kedua   | 19        | 19.0    | 19.0          | 26.0               |
|       | Anak ketiga  | 26        | 26.0    | 26.0          | 52.0               |
|       | Anak keempat | 21        | 21.0    | 21.0          | 73.0               |
|       | Anak kelima  | 24        | 24.0    | 24.0          | 97.0               |
|       | Anak keenam  | 1         | 1.0     | 1.0           | 98.0               |
|       | Anak kelapan | 1         | 1.0     | 1.0           | 99.0               |
|       | Anak Bongsu  | 1         | 1.0     | 1.0           | 100.0              |
|       | Total        | 100       | 100.0   | 100.0         |                    |

Hak Milik MARA

## Means

### Case Processing Summary

|                                             | Cases    |         |          |         |       |         |
|---------------------------------------------|----------|---------|----------|---------|-------|---------|
|                                             | Included |         | Excluded |         | Total |         |
|                                             | N        | Percent | N        | Percent | N     | Percent |
| Pendapatan Bulanan Ibulapa * Status bayaran | 100      | 100.0%  | 0        | .0%     | 100   | 100.0%  |
| Kategori Penjamin * Status bayaran          | 100      | 100.0%  | 0        | .0%     | 100   | 100.0%  |
| Bidang Pengajian * Status bayaran           | 100      | 100.0%  | 0        | .0%     | 100   | 100.0%  |
| Jumlah Pinjaman * Status bayaran            | 100      | 100.0%  | 0        | .0%     | 100   | 100.0%  |
| Tempoh Pinjaman * Status bayaran            | 100      | 100.0%  | 0        | .0%     | 100   | 100.0%  |
| Kedudukan dalam keluarga * Status bayaran   | 100      | 100.0%  | 0        | .0%     | 100   | 100.0%  |
| Gender * Status bayaran                     | 100      | 100.0%  | 0        | .0%     | 100   | 100.0%  |

### Report

| Status bayaran |                | Pendapatan Bulanan Ibulapa | Kategori Penjamin | Bidang Pengajian | Jumlah Pinjaman | Tempoh Pinjaman | Kedudukan dalam keluarga | Gender |
|----------------|----------------|----------------------------|-------------------|------------------|-----------------|-----------------|--------------------------|--------|
| Tidak bayar    | Mean           | 8.360                      | .64               | 3.480            | 4.240           | 2.420           | 3.160                    | .62    |
|                | N              | 50                         | 50                | 50               | 50              | 50              | 50                       | 50     |
